

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

COVID-19 : 82 kes baharu dicatatkan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Februari. - Sebanyak 82 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 meningkat kepada 16,558 orang. Daripada jumlah tersebut, 71 adalah kes tempatan, manakala 11 adalah kes import dan jumlah kes baharu ini adalah hasil daripada 3,872 jumlah ujian makmal, yang dilakukan dalam tempoh 24 jam lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak 2.1 peratus.

Menurut Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, dalam kalangan kes-kes yang sedang dirawat di

Pusat Pengasingan Kebangsaan, tidak ada kes dalam Kategori 4, iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi dan Kategori 5, iaitu memerlukan bantuan mesin pernafasan dan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO) di Unit Rawatan Intensif.

Sementara itu, sebanyak 44 kes disahkan sembuh pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 15,964 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 492 kes.

>> Muka 3



Berita Utama



22 anak pokok ditanam dukung Protokol Hijau

Muka 7

SYARIKAT RUMINE CORPORATION HARUMKAN NAMA NEGARA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan tanda penghargaan kepada Rumine Corporation pada Majlis Penghargaan Pemenang Anugerah ICT ASEAN 2021 (ASEAN ICT Awards - AICTA) 2021. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Syarikat Rumine Corporation mengharumkan nama negara dengan memenangi Anugerah Emas (tempat pertama) untuk Kategori Digital Content bagi Anugerah ICT ASEAN 2021 (ASEAN ICT Awards - AICTA) 2021.

Sebagai penghargaan atas usaha dan kejayaan ini, Majlis Penghargaan

Pemenang AICTA 2021 diadakan di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

>> Muka 5

26 individu lagi ditahan dalam Operasi Ice Sibling

■ Siaran Akhbar : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Februari. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah meneruskan lagi Operasi Ice Sibling dengan menahan individu-individu yang didapati mempunyai kaitan dengan sindiket pengedaran dadah keluarga yang telah ditahan oleh BKN sebelum ini.

Operasi ini adalah kesinambungan kepada Operasi Ice Sibling yang telah dijalankan pada bulan Disember 2021 yang lalu.

Operasi yang menyasarkan lima buah lokasi di Daerah Brunei dan Muara iaitu di Kampung Lambak Kiri, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kampung Terunjing, Kampung Lupak Luas dan di Daerah Belait, Jalan Singa Menteri yang dijalankan secara serentak pada 10 dan 11 Januari 2022 telah berhasil menahan seramai 26 orang iaitu 21 orang lelaki dan lima perempuan yang berumur di antara 20 - 54 tahun.

Dalam operasi tersebut, BKN telah berjaya merampas dadah jenis syabu seberat 18 gram, wang tunai berjumlah BND288, alat timbangan digital, alat-alat perkakas untuk menghisap dadah dan sebuah kereta.

>> Muka 11



DOA Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan PB

Muka 19



Warisan

PELIHARA khazanah warisan permainan Pasang

Muka 20

STATISTIK COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 1 FEBRUARI 2022



Fokus keperluan nasional berimpak tinggi

Assalamu'alaikum
 Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillaahir Rahmaanir Raheem
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
 Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
 Umuuriddunya Wadden,
 Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
 Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
 Muhammadin, Wa'ala Aalihee
 Wasahbihee Ajma'een,
 Waba'du.

BETA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-33 Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada hari ini.

Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Ucapan tahniah ini juga ditujukan kepada para ibu bapa dan penjaga atas dorongan dan sokongan mereka di sepanjang tempoh pengajian para graduan.

Walaupun dunia masih bergelut dengan pandemik Coronavirus, namun alhamdulillah, situasi pandemik di Negara Brunei Darussalam adalah terkawal, sehingga membolehkan aktiviti-aktiviti seperti Majlis Konvokesyen pada hari ini dapat dijalankan.

Menyebut mengenai strategi, beta difahamkan, bahawa UBD telah pun sampai keputeran pelan strategik lima tahunnya pada hujung tahun 2020. Di antara

pencapaian signifikan dalam pelan strategik tersebut ialah kemasukan UBD buat julung kalinya ke dalam dua World University Rankings yang terkemuka, iaitu QS dan Times Higher Education. Selain dari itu, UBD juga telah memperkembangkan kampusnya berupa kampus luar negara pertama di Da Nang, Viet Nam.

Beta juga difahamkan bahawa UBD telah memulakan inisiatif-inisiatif pelan strategiknya dari 2021 ke 2025 dengan visi National Relevance, Global Impact. Sehubungan itu, beta mengharapkan supaya UBD lebih memfokuskan kepada keperluan nasional yang berimpak tinggi, seperti teknologi digital dan kesejahteraan sosial. Penyelidikan juga patut diberi tumpuan, sejajar dengan keadaan masa kini yang mementingkan kesihatan dan perubahan, pendidikan, alam sekitar dan pembangunan lestari. Secara langsung, diperlukan juga untuk terlibat memberikan input akademik dalam agenda pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara.

Mengenai sosioekonomi negara, adalah sangat diperlukan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan. Oleh itu, beta gembira, bahawa UBD akan terus memperkembangkan serta menekankan lagi pembelajaran sepanjang hayat, sebagai inisiatif meningkatkan kemahiran dan kecekapan masyarakat, terutama sekali dalam konteks ekonomi

global dan teknologi yang pesat berkembang.

Di samping itu, beta turut melihat, bahawa institusi pengajian tinggi di negara ini, mungkin sudah masanya untuk menorka kelayakan mikro ataupun *micro credentials* yang kini mengubah landskap pendidikan, akibat pendigitalan Sektor Pendidikan tinggi dan transformasi digital di kalangan industri. *Micro credentials* menawarkan bentuk pembelajaran yang sangat fleksibel dan inklusif yang membolehkan kemahiran dan kecekapan diperoleh. Ini amat sesuai dalam keadaan kita sedang memerlukan pekerja dan pencari kerja yang mahir serta berdaya saing. Tidak diragukan lagi, penyelidikan dan inovasi adalah pemangkin utama ekonomi digital.

Mengenai pencapaian inovasi, beta mengucapkan tahniah kepada seluruh warga UBD atas penganugerahan Clarivate South and South East Asia Innovation Award 2020 dalam Kategori Institusi Pendidikan. Beta difahamkan bahawa anugerah ini adalah berdasarkan *invention* atau penemuan, jumlah dan kejayaan paten serta tahap globalisasi berdasarkan pelaburan paten. Beta juga difahamkan bahawa UBD adalah antara enam universiti di rantau ini yang mendapat anugerah sebagai *innovator* teratas tersebut.

Beta yakin, jika aspek pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, maka UBD boleh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-33 Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada Sabtu, 25 Jamadilakhir 1443 Hijrah bersamaan 29 Januari 2022 Masihi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

akan lebih melonjak selaku sebuah universiti ternama di dunia.

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan. Beta menyeru supaya semua graduan gigih berikhtisar dan berdaya tahan serta pandai menyesuaikan diri untuk sentiasa relevan. Selain dari itu, beta juga mengingatkan para graduan untuk mengekalkan integriti berdasarkan ajaran Islam supaya sentiasa mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta juga mengambil

kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga UBD, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis dan Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	1	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	KHAMIS	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	JUMAAT	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	SABTU	4	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	AHAD	5	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	ISNIN	6	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	SELASA	7	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 2 FEBRUARI 2022

Tanamkan sifat tidak mudah putus asa, percaya diri

TAHNIH diucapkan kepada para graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang baru saja menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-33 yang berlangsung pada minggu lepas.

Segala usaha, perit lelah mencari ilmu, detik-detik manis dan mencabar yang dilalui dengan rakan-rakan seperjuangan setentunya akan menjadi kenangan para lepasan ijazah yang tidak akan mudah dilupakan.

Kemungkinan besar, cabaran seterusnya bagi para lepasan ijazah yang tidak mempunyai perancangan untuk melanjutkan atau menyambung lagi pembelajaran, adalah mencari pekerjaan.

Dalam mencari pekerjaan, perlu diingati, kita perlu membuat persiapan dan ingat bahawa mempunyai segulung ijazah tidak mencukupi, jika kita tidak mempunyai sikap dan *mindset* atau pemikiran yang betul.

Para lepasan ijazah mesti menyedari bahawa mereka akan bersaing dengan ratusan, jika bukan ribuan pencari kerja yang lain. Adalah penting untuk para lepasan ijazah untuk menanamkan sifat tidak mudah putus asa, sifat percaya diri serta proaktif dan yakin mereka akan dapat mencari pekerjaan.

Adalah penting juga untuk ingat, dalam mencari pekerjaan, jangan hanya memandang kepada gaji tetapi lihatlah juga kepada pengalaman kerja yang akan dapat ditimba dan juga persekitaran kerja, sama ada ianya boleh atau tidak, mengasah kemahiran si pekerja dan membantu si pekerja membangun dari segi *personal development*.

Selain itu, anggaplah pengalaman mencari kerja itu seperti kita menaiki tangga, ada peringkat-peringkatnya. Pada peringkat awal, janganlah mengharapkan pekerjaan yang akan menawarkan gaji yang lumayan kerana kita belum mempunyai pengalaman.

Terimalah apa saja tawaran kerja yang waktu kerjanya dan gajinya berpatutan sambil menunggu kekosongan yang memberikan tawaran lebih baik. Gunakan waktu yang ada pada peringkat awal mencari pekerjaan tetap untuk menimba pengalaman, mempraktikkan apa segala teori yang dipelajari sewaktu masih bergelar penuntut, mengasah kemahiran dan juga memperbaiki sifat profesionalisme.

Akhir sekali, perbaiki kemahiran seperti *public speaking* ataupun pengucapan awam, kemahiran sosial dan kemahiran berinteraksi dengan orang ramai. Sentiasa tunjukkan sifat sopan santun dan mudah untuk bekerjasama. Memperbaiki kemahiran insaniah seperti ini akan dapat membantu dalam menarik perhatian bakal majikan.

Tahniah lagi sekali diucapkan kepada para lepasan ijazah, semoga Allah Subhanahu Wata'ala mempermudah dan memberkati usaha mereka dalam memulakan perjalanan dalam dunia pekerjaan. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

www.moh.gov.bn corp.comms@moh.gov.bn



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN



COVID-19 : 82 kes baharu dicatatkan


■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Kadar pengisian di Pusat-pusat Pengasingan, di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak 10.2 peratus.

Bagi pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan, setakat, Isnin, 31 Januari 2022 kadar keseluruhan penduduk yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin adalah 94.8 peratus.

Manakala kadar bagi yang menerima dua dos vaksin ialah 94.0 peratus dan sebanyak 40.5 peratus pula bagi yang menerima tiga dos vaksin.



63 KES BAHARU MELIBATKAN JANGKITAN TEMPATAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 31 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mencatatkan sebanyak 63 kes baharu jangkitan COVID-19 dengan jumlah kesemuanya adalah kes tempatan, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 16,476 orang.

Jumlah kes baharu ini adalah hasil daripada 1,258 ujian makmal yang dilakukan dalam tempoh 24 jam lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah

sebanyak 5.0 peratus.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, dalam kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, tidak ada kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5.

"23 kes telah disahkan sembuh pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di NBD kepada 15,920 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 454 kes. Sementara itu, kadar pengisian di Pusat-pusat Pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak 9.3 peratus," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengongsikan, setakat 30 Januari 2022, kadar keseluruhan penduduk yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan ialah 94.8 peratus, manakala bagi dua dos vaksin ialah 94.0 peratus dan kadar bagi yang menerima tiga dos vaksin ialah 40.0 peratus.

Seterusnya, tambah Yang Berhormat, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas

mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan sedikit hasil penelitian yang dijalankan.

Menurut Yang Berhormat, di antara 23 Januari hingga 29 Januari 2022, alhamdulillah, tidak ada mukim mempunyai lebih daripada 40 kes, dengan 22 mukim (56.4 peratus) mempunyai jumlah kes antara 1 hingga 40 kes dan 17 mukim (43.6 peratus) mempunyai kes sifar.

Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 malam hingga 4.00 pagi, Yang Berhormat menjelaskan, sebanyak tiga pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara dengan ketiga-tiganya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

"Marilah kita terus melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan mematuhi segala garis panduan dan arahan pihak kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa



YANG Berhormat Menteri Kesihatan memberi kenyataan pada Sidang Media berkenaan.

melindungi NBD daripada segala musibah dan bencana, khususnya wabak COVID-19. *Amin Ya Rabbal Alamiin*," kata Yang Berhormat.

■ Di antara 23 Januari hingga 29 Januari 2022, tidak ada mukim mempunyai lebih daripada 40 kes positif, dengan 22 mukim (56.4 peratus) mempunyai jumlah kes antara 1 hingga 40 kes dan 17 mukim (43.6 peratus) mempunyai kes sifar.

■ YANG Berhormat menyeru agar orang ramai terus melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan mematuhi segala garis panduan dan arahan pihak kerajaan dalam menangani wabak COVID-19.



13 KES TEMPATAN DISAHKAN VARIAN OMICRON

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 31 Januari. - Sejumlah 520 sampel yang melalui ujian *gene sequencing* disahkan sebagai varian Delta, manakala 50 sampel lagi adalah daripada varian Omicron.

Kes-kes varian Omicron ini, termasuk 37 kes import dan 13 kes tempatan.

Keputusan hasil tersebut diambil daripada 570 sampel kes-kes positif COVID-19 yang dikesan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui ujian *gene sequencing* bagi mengenal pasti varian yang ada di negara ini setakat 31 Januari 2022.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya menambah, kesemua kes varian Omicron yang dikesan di NBD hanya mempunyai simptom-simptom yang ringan atau tidak mengalami sebarang simptom sama sekali.

"Setakat ini, tidak ada kes varian Omicron di negara ini telah dikategorikan dalam Kategori 4 atau 5 serta memerlukan bantuan oksigen dan rawatan intensif," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, menjawab soalan yang diajukan oleh pihak media mengenai penularan varian Omicron dalam kalangan masyarakat, Yang Berhormat menjelaskan, 13 kes tempatan yang disahkan varian Omicron adalah melibatkan daripada

beberapa kluster perumahan.

"Ini menunjukkan ada sudah menular dalam kalangan komuniti. Walau bagaimanapun, *gene sequencing* mengambil masa dan apabila kita melihat ke belakang, bila dan melihat keadaan sekarang, ia tidak menunjukkan simptom-simptom yang berat, namun kita masih perlu berwaspada dan mengikut SOP yang ditetapkan," terang Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat sekali lagi menyeru bagi individu yang belum mendapatkan vaksin agar mendapatkannya dengan segera, begitu juga untuk mendapatkan dos penggalak agar kita dapat sama-sama mengawal gejala ini jika dijangkiti, memandangkan kini sudah terdapat penularan dalam komuniti (*community spread*).

"Selain kita berdoa untuk memastikan kita tidak dijangkiti, salah satu usaha adalah dengan

■ **SEJUMLAH 520 sampel yang melalui ujian *gene sequencing* disahkan sebagai varian Delta, manakala 50 sampel lagi adalah daripada varian Omicron, iaitu 37 kes import dan 13 kes tempatan yang diambil daripada 570 sampel kes-kes positif COVID-19 yang dikesan di Negara Brunei Darussalam.**

■ **KESEMUA kes varian Omicron berkenaan hanya mempunyai simptom-simptom yang ringan atau tidak mengalami sebarang simptom**

■ **13 kes tempatan yang disahkan varian Omicron tersebut melibatkan daripada beberapa kluster perumahan.**

■ **YANG Berhormat menyeru agar orang ramai mendapatkan vaksinasi dan dos penggalak dengan segera bagi sama-sama mengawal gejala ini memandangkan varian Omicron sudah terdapat penularan dalam komuniti.**



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

mengambil vaksin atau dos penggalak dan mematuhi segala SOP yang telah diarahkan," tegas Yang Berhormat lagi.

MAKLUMAT PENTING COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dapatkan dos penggalak

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyeru bagi individu yang belum mendapatkan vaksin agar mendapatkannya dengan segera, begitu juga untuk mendapatkan dos penggalak agar kita dapat sama-sama mengawal gejala ini jika dijangkiti, memandangkan kini sudah terdapat penularan dalam komuniti (*community spread*), pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Selain kita berdoa untuk memastikan kita tidak dijangkiti, salah satu usaha adalah dengan mengambil vaksin atau dos penggalak dan mematuhi segala SOP yang telah diarahkan.

50 sampel daripada 520 sampel disahkan varian Omicron

Sejumlah 520 sampel yang melalui ujian *gene sequencing*, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, disahkan sebagai varian Delta, manakala 50 sampel lagi adalah daripada varian Omicron.

Kes-kes varian Omicron ini, termasuk 37 kes import dan 13 kes tempatan.

Keputusan hasil tersebut diambil daripada 570 sampel kes-kes positif COVID-19 yang dikesan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui ujian *gene sequencing* bagi mengenal pasti varian yang ada di negara ini setakat 31 Januari 2022.

Semua kes varian Omicron tidak alami sebarang simptom sama sekali

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menambah, kesemua kes varian Omicron yang dikesan di NBD hanya mempunyai simptom-simptom yang ringan atau tidak mengalami sebarang simptom sama sekali.

Tidak ada kes Omicron dalam Kategori 4 atau 5

"Setakat ini, tidak ada kes varian Omicron di negara ini telah dikategorikan dalam Kategori 4 atau 5 serta memerlukan bantuan oksigen dan rawatan intensif," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

13 kes tempatan varian Omicron daripada kluster perumahan

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, 13 kes tempatan yang disahkan varian Omicron adalah melibatkan daripada beberapa kluster perumahan.

Masih perlu berwaspada, ikut SOP

"Ini menunjukkan ada sudah menular dalam kalangan komuniti. Walau bagaimanapun, *gene sequencing* mengambil masa dan apabila kita melihat ke belakang, bila dan melihat keadaan sekarang, ia tidak menunjukkan simptom-simptom yang berat, namun kita masih perlu berwaspada dan mengikut SOP yang ditetapkan," terang Yang Berhormat.



RAWATAN DI PUSAT PENGASINGAN KEBANGSAAN

0

KATEGORI 4
[BANTUAN OKSIGEN
DAN DI BAWAH
RAWATAN RAPI]

0

KATEGORI 5
[BANTUAN MESIN
PERNAFASAN DAN
DIRAWAT DI ICU]

23

KES SEMBUH
HARI INI

15920

KES SEMBUH
KESELURUHAN

454

KES AKTIF
KESELURUHAN

0

KES KEMATIAN
24 JAM YANG LALU

**KADAR PENGGUNAAN KATIL DI
KESEMUA PUSAT PENGASINGAN**

9.3%



Arahan Pemakaian Sungkup Muka



Sesiapa yang **gagal mematuhi arahan pemakaian sungkup muka tersebut boleh dikenakan denda kompaun sebanyak \$100 di bawah Bab 62(A) Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.**

SYARIKAT RUMINE CORPORATION HARUMKAN NAMA NEGARA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi beramah mesra bersama Rumine Corporation pada Majlis Penghargaan Pemenang Anugerah ICT ASEAN 2021 (ASEAN ICT Awards - AICTA) 2021.

dalam ICT serta mengembangkan Sektor ICT di negara ini dengan menggalakkan individu, pelajar dan perniagaan untuk bersaing pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Untuk AICTA 2021, Negara Brunei Darussalam telah menghantar empat penyertaan terdiri dari Jabatan Pengangkutan Darat dengan produk 'Road Accident Data Enhancement and Development (RADED)' bagi Kategori Sektor Awam; Rumine Corporation dengan produk 'Techsim dan Virtual Explore' bagi Kategori Digital Content; Network Integrity Assurance Technology Sdn. Bhd. (NiAT) dengan produk 'Observe' bagi Kategori Sektor Swasta; dan IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) dengan produk 'Facehunter' bagi Kategori Sektor Swasta.

Kemenangan Rumine Corporation telah diumumkan semasa Majlis Anugerah AICTA 2021 yang diadakan secara dalam talian, pada 28 Januari 2022.

Bagi Kategori Digital Content, Rumine Corporation mempertandingkan produk mereka Techsim, iaitu *virtual assembly simulation* bagi pembelajaran dan latihan asas untuk kakitangan dan pelatih dengan menggunakan Virtual Reality (VR) dan *hand motion sensors*.

Rumine Corporation, yang diwakili oleh Dayang Sarinah binti Ziziumiza, Dayang Nursheila binti Ziziumiza, Dayang Lailatun Najihah binti Ahmad Humaizi dan Awangku Hafeezur Rahman bin Pengiran Haji Ramlee telah menewaskan penyertaan dari Indonesia dan Thailand yang

masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga dalam Kategori Digital Content.

Rumine Corporation adalah syarikat tempatan yang berkecimpung dalam Sektor Teknologi Digital dengan memberikan perkhidmatan berteraskan Customized Augmented Reality (AR), VR dan Applied Games.

Rumine Corporation juga aktif menyertai inisiatif yang dikendalikan oleh MTIC dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), khususnya Anugerah ICT Brunei (BICTA) sejak tahun 2018 dengan mempertandingkan pelbagai produk yang mereka hasilkan.

Selain itu, Rumine Corporation juga mendapat bimbingan (*mentoring*) dan sokongan dari penglibatan mereka dalam program yang dikendalikan oleh AITI dan rakan-rakan industri seperti BICTA Plus Bootcamp dan yang terkini melalui Program Tech Immersion, sebuah Program Mentorship pasca BICTA yang berjalan selama enam bulan bermula Disember 2021.

Program Tech Immersion ini dikendalikan oleh AITI sebagai kesinambungan BICTA ke arah meningkatkan lagi produk-produk yang dipertandingkan dengan menerapkan teknologi-teknologi tinggi seperti Artificial Intelligence, Internet of Things dan Data Analytics.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Ketua Eksekutif, AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar dan pegawai-pegawai kanan dari MTIC dan AITI.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menyampaikan tanda penghargaan kepada Rumine Corporation.

AICTA diadakan sejak tahun 2012 adalah inisiatif yang mendukung pelaksanaan ASEAN ICT Masterplan 2015 (AIM 2015). Selaras dengan perkembangan kerjasama digital ASEAN di bawah ASEAN Digital Masterplan 2025, pengendalian AICTA diteruskan sebagai aktiviti tahunan dengan diterajui oleh Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri Digital ASEAN (yang sebelum ini dikenali sebagai

Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi & IT ASEAN).

AICTA diadakan setiap tahun untuk memberi pengiktirafan kepada produk dan solusi yang inovatif, kreatif serta menghasilkan impak yang relevan dengan keadaan dan keperluan semasa.

AICTA 2021 membukakan enam kategori untuk penyertaan dari Negara-negara Ahli ASEAN, iaitu Sektor Awam, Sektor Swasta, Tanggungjawab Korporat Sosial, Digital Content, Start-up dan Penyelidikan dan Perkembangan.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam ke AICTA adalah inisiatif berterusan yang dimudah cara oleh MTIC dan AITI untuk merangsang inovasi dan kreativiti

SETIAUSAHA Tetap MTIC ketika berucap pada Majlis Penghargaan Pemenang AICTA 2021 tersebut.

Kemenangan dorong cipta produk lebih inovatif



SYARIKAT Rumine Corporation telah mengharumkan nama negara dengan memenangi Anugerah Emas (tempat pertama) untuk Kategori Digital Content bagi Anugerah ICT ASEAN 2021 (ASEAN ICT Awards - AICTA) 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Dayang Sarinah binti Ziziumiza, salah seorang ahli kumpulan yang memenangi Anugerah Emas bagi

Anugerah ICT ASEAN 2021 (ASEAN ICT Awards - AICTA) 2021 menjelaskan, bahawa dengan kemenangan yang diperoleh akan mendorong mereka untuk

membuat produk yang lebih kreatif dan inovatif di masa akan datang, bukan sahaja di dalam negeri malahan di luar negeri.

Beliau berharap akan ramai lagi yang menyertai pertandingan seumpama ini agar dapat mengharumkan lagi nama Negara Brunei Darussalam.

Semasa ditemui Pelita Brunei, Dayang Sarinah melahirkan ucapan penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan pihak Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) kerana telah menghantar mereka untuk menyertai pertandingan tersebut, di samping mereka turut dibantu oleh AITI dan Suhbe Co sebagai persediaan pertandingan.

Dayang Sarinah juga mengongsikan produk yang dihasilkan, iaitu 'Techsim' yang merupakan *virtual assembly simulation* untuk latihan asas, pembelajaran dan *technical training*.

"Pengguna boleh menggunakan simulasi kami untuk menjalankan praktikal asas di mana terdapat *workshop* dan fasiliti untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka," ujarnya.

Menurutnya, produk disasarkan bukan sahaja

kepada pekerja termasuk perintis dan murid tetapi produk tersebut juga akan menyediakan latihan, di mana orang awam juga boleh menggunakan.

Semasa pandemik COVID-19 katanya, adanya cabaran di samping dengan adanya norma baharu juga, mereka akan terus membuat penambahbaikan lagi proses latihan dan tidak akan berhenti dengan adanya cabaran pandemik ini.

Ini disebabkan katanya, produk mereka menggunakan *remote learning and working* bermaksud membuat latihan di mana sahaja mereka berada walaupun tidak ada secara fizikal.

"Keistimewaan produk kami, ia menggunakan teknologi Industri 4.0 iaitu menggunakan AR, VR dan XR dan dengan XR ia adalah platform di mana sesiapa saja boleh melayari platform kami dan membuat latihan yang telah kami sediakan. Di samping itu, ia juga mempunyai Artificial intelligence (AI) untuk menganalisis kompetensi," ujarnya.

KENAL PASTI, LAPOR TIPUAN BIDAAN KEPADA CCBD



SURUHANJAYA Persaingan Brunei Darussalam (Competition Commission Brunei Darussalam - CCBD) pada Sesi Dialog Tipuan Bidaan yang dihadiri oleh pihak pengurusan dan para Pegawai Kanan Jabatan Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Tipuan Bidaan dalam perolehan awam adalah merupakan kesalahan serius yang boleh membawa kepada hukuman denda, iaitu penalti sehingga 10 peratus daripada perolehan perniagaan bagi tempoh maksimum tiga tahun di bawah Bab 11, Perintah Persaingan 2015.

Penender dalam perolehan awam perlu bersaing dengan menghantar tawaran secara bebas, iaitu tanpa menyelaraskan; berkomunikasi atau berpakat dengan para pesaing lain untuk menghapuskan atau menghapuskan persaingan dalam proses bidaan atau tawaran

tender.

Perkara ini ditekankan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (Competition Commission Brunei Darussalam - CCBD) pada Sesi Dialog Tipuan Bidaan yang dihadiri oleh pihak pengurusan dan para Pegawai Kanan Jabatan Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan, baru-baru ini.

Sesi berkenaan turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii selaku Pengerusi CCBD; Ahli CCBD, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji

Ibrahim; dan Pemangku Ketua Pengarah di JKR, Ir. Awang Haji Md. Salleh bin Haji Abdul Karim.

Tipuan Bidaan adalah salah satu aktiviti pakatan sulit atau kartel dengan para penender menyalahi undang-undang dengan melaksanakan amalan perniagaan yang tidak kompetitif dan seterusnya menghalang atau mengurangkan persaingan dalam pasaran.

Menentang Tipuan Bidaan dalam perolehan awam adalah antara keutamaan Pelan Kerja CCBD dan akan terus menjadi prioriti agenda dalam tahun 2022, mengambil kira kesan Tipuan Bidaan yang boleh mengakibatkan bukan sahaja pembaziran sumber kerajaan, tetapi juga boleh menghalang kemasukan pesaing lain dalam

pasaran dan mengurangkan keyakinan terhadap proses perolehan yang kompetitif.

Sesi Dialog tertutup berkenaan adalah sebahagian daripada Kempen Kesedaran Tipuan Bidaan yang dilancarkan oleh CCBD pada Disember 2021 dengan objektif bagi memperluaskan penjawat dan kakitangan awam dengan pengetahuan dan maklumat yang relevan untuk mencegah, mengenal pasti dan melaporkan perlakuan Tipuan Bidaan kepada CCBD.

Ini bertujuan bagi memastikan proses tawaran atau bidaan adalah kompetitif ke arah mencapai hasil yang dihasratkan, iaitu mendapatkan nilai yang terbaik, penggunaan sumber kerajaan yang cekap dan mendukung perbelanjaan kerajaan yang berhemat.

Dialog interaktif diketuai oleh Pengarah Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, Dayang Heidi Farah Sia Abdul Rahman selaku Ketua Sekretariat Eksekutif CCBD.

Pegawai Penyiasat, Dayang Anisah Syakirah binti Haji Anwari mengongsikan pelbagai contoh sebenar daripada kes persaingan untuk membantu para peserta memahami kaedah mengesan

perlakuan manipulasi bidaan yang mencurigakan dan melaporkan potensi amalan pakatan sulit kepada CCBD bagi penilaian dan siasatan lanjut.

Para peserta juga diingatkan bahawa mencegah lebih baik daripada merawat. Oleh itu, adalah penting untuk mengamalkan pelbagai langkah praktikal bagi mengelakkan pakatan sulit dalam tawaran tender yang bermula dengan mereka bentuk tawaran yang pro-kompetitif.

Jika perlakuan Tipuan Bidaan disyaki, para pegawai perolehan boleh melaporkan kepada CCBD dengan memberikan maklumat dan dokumen relevan termasuk tawaran tender, surat-surat serta rekod tingkah laku dan kenyataan yang mencurigakan.

CCBD mengalu-alukan sebarang permohonan bagi dialog atau taklimat mengenai menentang Tipuan Bidaan dalam perolehan awam.

Permohonan boleh ditujukan kepada Sekretariat Eksekutif CCBD melalui e-mel ke brunei.competition@jpes.gov.bn.


Bagi sebarang maklumat lanjut, layari Laman Sesawang CCBD, di www.ccbd.gov.bn atau hubungi talian +673 2233344 sambungan 230 atau 343.

■ TIPUAN Bidaan dalam perolehan awam adalah merupakan kesalahan serius yang boleh membawa kepada hukuman denda, iaitu penalti sehingga 10 peratus daripada perolehan perniagaan bagi tempoh maksimum tiga tahun di bawah Bab 11, Perintah Persaingan 2015.

■ TIPUAN Bidaan adalah salah satu aktiviti pakatan sulit atau kartel dengan para penender menyalahi undang-undang dengan melaksanakan amalan perniagaan yang tidak kompetitif dan seterusnya menghalang atau mengurangkan persaingan dalam pasaran.

■ Sesi Dialog tertutup tersebut bertujuan memastikan proses tawaran atau bidaan adalah kompetitif ke arah mencapai hasil yang dihasratkan, iaitu mendapatkan nilai yang terbaik, penggunaan sumber kerajaan yang cekap dan mendukung perbelanjaan kerajaan yang berhemat.

Kuatkan semangat, sentiasa jaga kebersihan



PROGRAM Santai-Santai Berkongsi Sesi #2, bertajuk 'Our story of hope : COVID-19' diadakan secara langsung melalui saluran Instagram, @familymatters.japem dengan menjemput Ceej PHMY, seorang *influencer* yang telah sembuh daripada jangkitan COVID-19.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Program Santai-Santai Berkongsi Sesi #2,

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

bertajuk 'Our story of hope : COVID-19' diadakan secara langsung melalui saluran Instagram, @familymatters.japem dengan menjemput Ceej PHMY, seorang *influencer* yang telah sembuh daripada jangkitan COVID-19.

Moderator bagi program tersebut, Pegawai Pembangunan Masyarakat Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya.

Program tersebut, antara lain berkongsi pengalaman Ceej PHMY, di mana beliau sekeluarga sebelum ini pernah dijangkiti COVID-19, yang bermula dari timbulnya gejala kurang sihat, lalu berjumpa ke klinik kesihatan juga menjalani ujian COVID-19 dan diarahkan untuk kuarantin.

"Pada mulanya, seakan tidak percaya kami positif COVID-19 sebab kami memang menjaga pergerakan dan sentiasa mengamalkan kebersihan diri, termasuk kerap mencuci tangan dan menggunakan pensanitasi tangan setiap kali keluar dan masuk rumah," jelasnya.

Suaminya sebelum ini juga merupakan bekas pesakit COVID-19 Kategori 4, yang ditempatkan di Pusat Pengasingan

Kebangsaan (NIC), Tutong dan Alhamdulillah pada masa ini, beransur pulih dan semakin sihat.

Sepanjang berada di NIC, mereka juga mengamalkan pemakanan yang seimbang dan mengambil beberapa makanan tambahan, seperti Vitamin C, Multivitamin juga memakan buah-buahan, bagi menambah kekuatan dalam badan, selain daripada mengambil Paracetamol, seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Apa yang beliau boleh kongsi ialah utamakan aspek penjagaan diri agar sentiasa bersih, di samping persekitaran sekeliling kita, termasuk kerap mencuci sarung bantal, selimut dan cadar, selain selalu membuka tingkap dan pintu, bagi pengudaraan yang lebih nyaman, terutama sekali semasa dalam tempoh kuarantin dan pengasingan diri.

Mereka yang dijangkiti perlu menguatkan diri untuk melawan virus dalam badan, dengan membuat beberapa pergerakan yang mampu dan tidak hanya baring sahaja, selain usaha dengan memperbanyakkan doa juga zikir dan mendekatkan diri kepada Allah.

Perubahan garispanduan pemakaian sungkup muka



- ✓ Sungkup muka hendaklah dipakai pada setiap masa terutama sekali apabila berada di dalam bangunan atau ketika berada di tempat sesak samada di dalam atau luar bangunan.
- ✓ Pemakaian sungkup muka hendaklah menutup hidung dan mulut si pemakai.
- ✓ Arahan pemakaian sungkup muka ini adalah dikenakan kepada semua individu ke atas tanpa mengira status vaksinasi masing-masing.



Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BRUNEI DARUSSALAM

Sumber: Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menanam pokok di sekitar kawasan bangunan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Bolkiah, Setia sempena dengan Protokol Hijau dan Kempen Hari Bertindak (atas), sementara gambar atas kanan, Pengarah IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli menanam anak pokok pada kempen tersebut.

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SERIA, Isnin, 31 Januari. - Sebanyak 22 anak pokok ditanam di sekitar kawasan bangunan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Bolkiah, Setia.

Kempen Penanaman Pokok tersebut adalah bersempena dengan Protokol Hijau dan Kempen Hari Bertindak.

Kempen tersebut bertujuan bagi mendukung Garis Panduan Protokol Hijau yang merupakan salah satu inisiatif ke arah mengurangkan jejak karbon di premis-premis sektor kerajaan.

Anak-anak pokok tersebut disumbangkan oleh Mitsubishi Corporation Brunei Liaison Office

sebagai sebahagian daripada Environmental Education Tour Project.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pengarah IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Sementara itu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengurus Akademik IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Mohd. Zainor bin Haji Awang Zainal.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, tetamu-tetamu khas dan Penolong Pengurus Perhubungan Bisnes Mitsubishi Corporation Brunei Liaison Office, Hajah Rohayati binti Haji Damit.

Majlis berakhir dengan sesi gambar ramai.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pihak Pengurusan IBTE Kampus Sultan Bolkiah dan Ketua-ketua Program.

22 ANAK POKOK DITANAM DUKUNG PROTOKOL HIJAU



■ **KEMPEN** Penanaman Pokok diadakan bersempena dengan Protokol Hijau dan Kempen Hari Bertindak.

■ **KEMPEN** tersebut bertujuan bagi mendukung Garis Panduan Protokol Hijau ke arah mengurangkan jejak karbon di premis-premis sektor kerajaan.

Keputusan Peperiksaan BCGCE 'O' Level, IGCSE dikeluarkan

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' Level dan International General Certificates of Secondary Education (IGCSE) Oktober / November 2021.

Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE Oktober / November 2021 dilaksanakan buat pertama kalinya secara kaedah alternatif iaitu School Assessed Grades (SAG).

Pencapaian calon Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE pada peringkat nasional, seramai 5,885 calon yang menduduki

peperiksaan pada sesi Oktober / November 2021. Jumlah ini menurun sebanyak 4.28 peratus berbanding pada tahun 2020.

Pencapaian calon pada peringkat sekolah yang memperoleh sekurang-kurangnya 8 'O' Level ke atas adalah 1,621 calon atau 27.54 peratus. Sementara yang memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level ke atas seramai 3,324 calon atau 56.48 peratus. Manakala calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 4 'O' Level ke atas adalah 3,928 atau 66.75 peratus.

Bagi calon sekolah kerajaan, seramai 1,159 atau 22.86 peratus memperoleh sekurang-

kurangnya 8 'O' Level. Daripada 5,071 calon sekolah kerajaan, seramai 2,635 atau 51.96 peratus mendapat sekurang-kurangnya 5 'O' Level.

Seramai 599 calon sekolah iaitu 10.18 peratus mendapat Gred A dalam lima hingga 14 mata pelajaran. Seramai 67 calon atau 1.14 peratus menunjukkan keputusan cemerlang dengan pencapaian agregat 6, Gred A* dalam enam hingga 13 mata pelajaran.

Di samping itu, 142 calon atau 2.41 peratus mendapat Gred A dalam lapan hingga 14 mata pelajaran, yang mana 49 daripadanya adalah terdiri daripada calon sekolah kerajaan.

Seramai 96 calon atau 1.63 peratus beroleh Gred A dalam tujuh mata pelajaran, 132 calon atau 2.24 peratus dalam enam mata pelajaran dan 229 calon atau 3.89 peratus dalam lima mata pelajaran.

Sebanyak 39 daripada 49 buah sekolah yang terdiri daripada 30 buah sekolah kerajaan dan sembilan buah sekolah swasta telah menunjukkan peningkatan di antara 1.97 peratus dan 47.78 peratus daripada pencapaian tahun 2020.

Pencapaian dalam mata pelajaran BCGCE 'O' Level dan IGCSE, prestasi calon pada peringkat nasional dalam lapan mata pelajaran utama yang mendapat Gred A - C meningkat di antara 0.01 peratus dan 11.93 peratus.

Manakala sejumlah 18 mata pelajaran lain pada peringkat nasional (Gred A-C) menunjukkan peningkatan di antara 4.17 peratus dan 66.67 peratus.

Bagi pencapaian calon sekolah di dalam IGCSE menunjukkan peningkatan bagi tujuh mata

pelajaran iaitu dalam lingkungan 0.73 peratus hingga 53.33 peratus berbanding pencapaian pada tahun 2020.

Dengan pengeluaran keputusan Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE Oktober / November 2021 ini, penuntut-penuntut yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing pada waktu sekolah.

Manakala calon-calon persendirian bolehlah mengambil slip keputusan masing-masing di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Bagi penuntut-penuntut dan orang ramai yang layak dan berhasrat untuk menduduki peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE dalam bulan Mei / Jun tahun 2022 ini, hendaklah mendaftar terus ke sekolah masing-masing atau Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan (bagi calon persendirian) pada waktu pejabat dibuka.

Tarikh tutup pendaftaran peperiksaan bulan Mei / Jun bagi calon-calon persendirian adalah pada Isnin, 14 Februari 2022. Manakala bagi calon-calon sekolah hendaklah menghadapkan permohonan melalui sekolah masing-masing.

Kes langgar lari : Pemandu, saksi diminta tampil beri maklumat

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

KUALA BELAIT, Selasa, 1 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohonkan kerjasama orang awam bagi menyalurkan sebarang maklumat berhubung kemalangan dipercayai langgar lari melibatkan seorang pejalan kaki (mangsa) dan sebuah kenderaan yang tidak diketahui jenis mahupun nombor pendaftaran kenderaan berkenaan.

Kejadian berlaku pada 30 Jan 2022, sekitar jam 7.30 pagi, berdekatan kawasan kedai runcit di Pandan 7, berdekatan Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Daerah Belait.

Oleh itu, dipohon kepada orang awam yang menyaksikan kemalangan terbabit diminta untuk tampil ke Balai Polis berhampiran atau menghubungi Talian Kecemasan PPDB 993 untuk membantu siasatan.

PPDB mengarahkan untuk pemandu kereta yang terlibat di dalam kemalangan lari ini untuk segera membuat laporan polis berhubung kemalangan ini, berpandukan Seksyen 34(1) Penggal 68, Kewajipan memberi maklumat dalam tempoh tujuh hari.



TALIAN KALINGA
+673 7413059

Unit Kaunseling
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Jabatan Sekolah Sekolah
Kementerian Pendidikan



Talian ini berperanan dalam memberikan **khidmat nasihat, konsultasi, dorongan**, serta **motivasi** dalam menangani situasi seperti **masalah pembelajaran, masalah peribadi** dan lain-lain lagi.

Waktu operasi:
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 pagi hingga 11.30 pagi
2.00 petang hingga 4.00 petang

Talian dibukakan kepada semua
Warga sekolah kerajaan

TINGKAT KESEDARAN PERUBAHAN IKLIM



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkap Pengasas Bersama Green Brunei hadir selaku tetamu kehormat majlis.

TUNGKU, Isnin, 31 Januari. - Seramai 15 belia, berumur 13 hingga 17 tahun, menanam

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



ANTARA belia yang menanam anak pokok buah-buahan sebagai sebahagian daripada Program Siri Belia, yang diadakan secara bulanan anjuran Global Awareness and Impact Alliance's (GAIA) dengan kerjasama Green Brunei, bertempat di Kebun Tang Salangan, Kampung Tungku.

anak pokok buah-buahan sebagai sebahagian daripada Program Siri Belia, yang diadakan secara bulanan anjuran Global Awareness and Impact Alliance's (GAIA) dengan kerjasama

Green Brunei, bertempat di Kebun Tang Salangan, Kampung Tungku.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari merangkap Pengasas Bersama Green Brunei.

Program Siri Belia ialah program tiga peringkat, yang direka oleh GAIA bertujuan untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran yang diperlukan bagi membina kedayatahanan dan keazaman diri untuk masa depan yang lebih stabil.

Dengan pembelajaran berbeza yang diajarkan melalui aktiviti bulanan GAIA, acara penanaman pokok ini diwujudkan untuk meningkatkan kesedaran tentang perubahan iklim dan kepentingan mengekalkan persekitaran yang sihat untuk generasi akan datang.

Peserta daripada aktiviti ini, seterusnya akan menghadiri Kem

WIRA dan Sidang Kemuncak Kepimpinan Belia, sebelum akhirnya menamatkan program dengan Program Pementoran.

Aktiviti itu juga dilakukan dengan kerjasama organisasi alam sekitar tempatan Green Brunei juga Persatuan Pengakap Brunei-Muara, yang membangunkan dan mengekalkan Kebun Tang Salangan sebelum dibuka secara rasmi kepada umum.

Juga hadir, Pengarah Siri Belia GAIA, Dayangku Nadeeya binti Pengiran Haji Mohd. Salleh; Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Sufri bin Pengiran Haji Hashim; Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Skip Samsuddin bin Haji Ahmad; dan Penolong Pesuruhjaya Daerah Brunei dan Muara, Tugas Khas, Awang Haji Mohd. Khairul Anuar bin Pehin Penurat Haji Awang Mohd. Salleh.

Berani, percaya diri rahsia untuk capai kejayaan



PROGRAM Secawan Kopi Sejuta Bicara pada kali ini menampilkan penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021 dalam Kategori Belia Cemerlang, iaitu Dayang Chong Chin Yee.

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Berani dan percaya diri untuk terus melangkah keluar daripada zon selesa serta menceburi sesuatu yang baharu menjadi sasaran bagi seseorang untuk terus berjaya mencapai impian yang diinginkan.

Program Secawan Kopi Sejuta Bicara kali ini menampilkan penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021 dalam Kategori Belia Cemerlang, iaitu Dayang Chong Chin Yee yang lebih kenali dengan nama Queenie.

Beliau merupakan seorang pengasas bagi beberapa buah syarikat di negara ini seperti Memori, Mirath dan sebagainya.

Beliau juga aktif dalam pelbagai aktiviti persekitaran serta tidak asing lagi dalam arena keusahawanan sebagai mentor dan aspirasi kepada para belia dalam bidang itu.

Pernah menjadi seorang guru di Pusat Tingkatan Enam dan kemudian beralih ke bidang keusahawanan merupakan satu langkah yang berani kerana semasa mengajar dahulu antara topik yang sering menjadi perbincangannya adalah pengangguran.

Menurut Dayang Chong Chin Yee, sepanjang tujuh tahun dalam bidang pendidikan, beliau sangat bimbang dan mengambil berat tentang masa hadapan para pelajarnya dan bermula dari sana beliau cuba melangkah ke bidang keusahawanan dengan impian agar dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan, sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Pada masa ini, ada beberapa orang pelajar saya yang dahulu kini bekerja di bawah Memori mahupun

Mirath dan bagi saya, ia merupakan satu impian yang menjadi kenyataan," ujarnya.

Pada program tersebut, Dayang Chong Chin Yee juga mengongsikan latar belakang mengenai Memori dan Mirath.

Aspirasi bermula daripada keluarga sendiri dan dari sana, tertubuhnya dua syarikat tersebut masing-masing bagi orang yang beragama Islam dan bukan beragama Islam bagi memudahkan orang ramai untuk membuat perancangan warisan Islam dan bersedekah, set kelengkapan jenazah kepada masjid untuk kegunaan orang yang memerlukan dan orang yang sedang ditimpa kesusahan dan berduka.

Tambahnya, mereka juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan mengikut garis panduan yang ditentukan. Sejak berlakunya gelombang kedua COVID-19 di negara ini, mereka juga

bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan bagi urusan set kelengkapan jenazah atau pesakit yang telah meninggal dunia termasuk Peralatan Perlindungan Diri (PPE).

"Apa yang saya pelajari adalah untuk terus memiliki keazaman yang tinggi serta fokus dalam hala yang dijalani dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaiannya," ujarnya.

Program anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu kali ini dikendalikan oleh Pengawas Pergerakan Belia dan Sukan, Dayang Norulhuda binti Muhammad sebagai Moderator.

Secawan Kopi Sejuta Bicara merupakan program yang diadakan secara maya bagi memperkenalkan para belia *kitani* untuk berkongsi pengalaman, usaha dan kejayaan mereka dalam pelbagai bidang kepada orang ramai, terutama golongan belia sebagai inspirasi dan motivasi.

Program yang berdurasi selama 30 ke 45 minit tersebut menyasarkan para penonton terdiri daripada orang ramai umumnya dan golongan belia khasnya daripada para penuntut sekolah peringkat rendah, menengah dan institusi tertinggi sektor kerajaan dan swasta, NGOs dan lain-lain.

■ **PROGRAM** Secawan Kopi Sejuta Bicara pada kali ini menampilkan penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan Tahun 2021 dalam Kategori Belia Cemerlang, iaitu Dayang Chong Chin Yee.

■ **PROGRAM** Secawan Kopi Sejuta Bicara merupakan program yang diadakan secara maya bagi memperkenalkan para belia *kitani* untuk berkongsi pengalaman, usaha dan kejayaan mereka dalam pelbagai bidang kepada orang ramai, terutama golongan belia sebagai inspirasi dan motivasi.



Talian 'AAFIAH'

UNIT KESEJAHTERAAN DAN PERKEMBANGAN PELAJAR
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

No. Telefon:
+6737413058

Waktu Operasi:
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 pagi hingga 11.30 pagi
2.00 petang hingga 4:00 petang

Talian dibuka bagi **warga sekolah khususnya guru-guru, pelajar-pelajar dan para ibu bapa serta penjaga yang ingin mengongsikan permasalahan/aduan yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan pelajar.**

BIMBING MUALAF HALUSI ILMU PENGETAHUAN ISLAM



MAJLIS Penutup Skim Bimbingan Lanjutan II Muallaf (Perempuan) Siri Ke-36 dan Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris) Siri Ke-13 berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.



PENGAH PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyampaikan sijil kepada peserta skim.

■ Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Majlis Penutup Skim Bimbingan Lanjutan II Muallaf (Perempuan) Siri Ke-36 dan Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris) Siri Ke-13 berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), hari ini.

Skim Bimbingan Lanjutan II Muallaf itu bertujuan untuk memberikan bimbingan dan pendedahan dalam meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan Islam para muallaf secara berterusan.

Mata pelajaran dalam skim ini ialah Aqidah (Ajaran Sesat), Fiqh Muamalat, Fiqh Zakat, Korban dan Aqiqah, Sejarah Islam, Tasawuf, Muqaddam dan Amali.

Manakala dalam Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris) pula menanamkan kesungguhan kepada setiap muallaf dengan memberikan latihan kepada mereka secara teori dan praktikal, terutamanya dalam cara melaksanakan ibadah dalam kehidupan seharian mereka.

Mata pelajaran dalam skim ini

ialah Hafalan, Praktikal Ibadat, Tauhid, Fiqh, Makanan Dalam Islam, Akhlak Islam serta Praktikal Fardu Kifayah.

Seramai 20 peserta menyertai Skim Bimbingan Lanjutan II Muallaf dan seramai lima peserta telah menyertai Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris).

Penyertaan ini adalah terdiri daripada muallaf yang tamat menjalani Kursus Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas dan Skim Bimbingan Lanjutan I. Skim ini telah berlangsung selama 14 hari bermula 18 Januari hingga 31 Januari 2022 dan dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada peserta-peserta skim.

Kedua-dua skim bimbingan ini diharap akan membentuk para muallaf agar dapat menjadi contoh tauladan dan dakwah secara tidak langsung kepada masyarakat yang belum memeluk Islam.

PDI menggalakkan para muallaf yang belum mengikuti Skim Bimbingan Muallaf anjuran PDI agar mendapatkan borang pendaftaran di PDI atau Pejabat Da'wah di daerah masing-masing.



Nya Oyen.....



Jangan memakai bawah idung!



Jangan jua memakai di dagu!



ZZZZZZ!



Meow! Ani baru ia lurus!

BOLEH DIKENAKAN DENDA KOMPAUN SEBANYAK \$100 DI BAWAH BAB 82(A) AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204 JIKA GAGAL MEMATUHI ARAHAN INI

DUA LAPIS SUNGKUP MUKA YANG DAPAT MENGHALANG COVID-19



Sungkup muka yang tidak diikat boleh menghalang sehingga

56.1%



Sungkup muka kain boleh menghalang sehingga

51.4%



Sungkup muka yang diikat boleh menghalang sehingga

77%



Sungkup muka yang berlapis dua boleh menghalang sehingga

85.4%

Memakai dua lapis sungkup muka boleh menyebabkan sukar bernafas, tetapi tidak akan mengurangkan bekalan oksigen.

DUA LAPIS SUNGKUP MUKA DIGUNAKAN BILA:

✓ satu sungkup muka longgar dan tidak selesa



✓ satu lapis daripadanya adalah sungkup muka yang kain



✗ Jangan lapis dua sungkup muka yang pakai buang (surgical)

www.moh.gov.bn

Selidik sebelum sebar

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلوأن قوسة دعوه اسلاميه

TELAH menjadi kebiasaan masa kini untuk menyebarkan berita melalui saluran media tanpa mengetahui kebenarannya. Seperti sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan manusia untuk menyampaikan dan menerima sesuatu berita yang didengar dan dilihat tanpa menyelidikinya terlebih dahulu. Sikap inilah yang sudah sekian lama menular menjadi seakan penyakit dalam masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan juga kaum.

Sesungguhnya Al-Quran telah mengajarkan kita untuk menyelidiki sebelum mempercayai segala berita yang diterima supaya tidak menjadi umpatan mahupun bahan fitnah dan tidak bersubahat dalam melakukan dosa besar itu.

Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Qalam, ayat 10 hingga 11 yang mafhumnya :

"Dan janganlah engkau menurut kemahuan setiap orang yang banyak bersumpah lagi suka menghina. Yang suka mencaci lagi suka menyebarkan fitnah".

Ayat tersebut telah menjadi dalil di dalam Al-Quran yang melarang kita untuk mempercayai dan menerima segala kata-kata yang disampaikan tanpa usul periksa. Seperti yang disebutkan di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman yang mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa suatu berita maka selidikilah kebenarannya (kerana dikhuatiri) kamu akan menimpakan kepada suatu kaum (perkara yang tidak diinginkan) dengan sebab kejahilan kamu sehingga menyebabkan kamu menyesal atas apa yang kamu telah

lakukan".

Kebanyakan orang menganggap jika mereka menyampaikan berita yang didengarinya, maka dia tidak bersalah dan tidak menanggung apa-apa dosa kerana hanya menjadi pendengar. Tetapi hakikat sebenarnya, dosa tersebut bukanlah hanya ditanggung oleh pencipta fitnah atau berita tersebut. Dosanya merangkumi mereka yang turut sama menyampaikan berita tersebut kepada orang lain tidak kira sama ada berita itu benar atau palsu.

Seandainya kita menerima berita dari seseorang, kita hendaklah jangan mudah percaya pada si pembawa berita kerana boleh sahaja berita itu merupakan fitnah yang telah dihapuskan kebenarannya ataupun ditokok tambah hingga terjadinya fitnah. Sebagai pendengar seharusnya kita menegur, melarang dan menasihati si pembawa berita jika meyakini berita itu adalah palsu atau tidak mengetahui

kebenaran berita yang disampaikan agar kita terlepas daripada dosa bersubahat dengan si pembawa berita.

Sesungguhnya fitnah itu adalah perkara yang sangat keji dan sememangnya dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, sebagai makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman kepada-Nya, kita hendaklah sentiasa bersangka baik kepada sesama manusia dan janganlah turut sama menyebarkan keburukan yang didengar meskipun benar.

Selidikilah setiap sesuatu berita yang didengar untuk memastikannya benar, tepat dan diperoleh daripada sumber yang sah serta boleh dipercayai. Jauhilah fitnah kerana fitnahlah hubungan kekeluargaan yang retak menjadi belah, hubungan persahabatan bertukar permusuhan dan pasangan suami isteri bercerai-berai. Jadilah penerima maklumat yang bijak dan penyebar yang bijak dengan menyebarkan manfaat dan bukannya mudarat.

Adakah Kebaikan Yang Dilakukan Sebelum Memeluk Islam Mendapat Ganjaran Pahala?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

NIMAT paling istimewa yang diperolehi oleh seseorang yang bukan Islam apabila memeluk Islam ialah menemui landasan yang betul untuk menjalani kehidupannya kerana agama Islam adalah agama yang benar dan direndhai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perkara tersebut dinyatakan dengan jelas oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : Sesungguhnya agama (yang benar dan direndhai) di sisi Allah ialah Islam.

(Surah ali-'Imran : 19)

Dalam ayat yang lain, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman :

Tafsirnya : Dan sesiapa mencari agama selain agama Islam maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.

(Surah ali-'Imran : 85)

Selain itu adalah juga menjadi keuntungan besar bagi orang bukan Islam yang menukar agamanya kepada agama Islam itu, segala dosa yang telah dilakukan sebelumnya adalah diampunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firmanNya :

Tafsirnya : Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang kafir itu jika mereka berhenti (daripada kekufuran dan memerangi Nabi), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu.

(Surah al-Anfal : 38)

Menurut Imam ath-Thabari *Rahimahullah* ketika mentafsirkan ungkapan yang tafsirnya "jika mereka berhenti (daripada kekufuran dan memerangi Nabi)" dalam ayat di atas adalah bermaksud jika mereka berhenti daripada kekufuran dan memerangi Nabi, lalu mereka beriman serta taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka diberi keampunan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dalam sebuah hadits daripada 'Amr bin al-'Ash *Radhiallahu 'anhu* ada menceritakan bahawa sewaktu beliau diberi hidayah memeluk agama Islam, beliau menemui Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan menyatakan bai'ah (perakuan sumpah setia) beliau kepada Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Namun, apabila Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menghulurkan tangan kanan Baginda, beliau tidak menghulurkan

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan hadits di atas, adalah jelas bahawa orang yang memeluk Islam dan taat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, akan diampuni dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang dilakukannya sebelum memeluk Islam.

tangannya. Lalu Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bertanya tentang perkara yang menghalang beliau menghulurkan tangannya. Maka beliau pun mengemukakan syarat sebelum menghulurkan tangannya iaitu beliau mohon diampunkan. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pun bersabda :

Maksudnya : Adakah engkau tidak tahu sesungguhnya (dengan memeluk) Islam itu menghapus apa-apa (dosa) yang berlaku sebelumnya, dan sesungguhnya hijrah (ke Madinah) itu menghapus apa-apa (dosa) yang berlaku sebelumnya dan sesungguhnya haji itu menghapus apa-apa (dosa kecil) yang berlaku sebelumnya.

(Hadits riwayat Muslim)

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan hadits di atas, adalah jelas bahawa orang yang memeluk Islam dan taat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, akan diampuni dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang dilakukannya sebelum memeluk Islam.

Setiap Amal Diperhitungkan

Semua amal yang dilakukan oleh manusia sama ada amal baik atau sebaliknya adalah tidak terlepas dari perhitungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firmanNya :

Tafsirnya : Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (ganjaran)nya. Dan sesiapa mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya.

(Surah az-Zalzalah : 7 - 8)

Dalam memperhitungkan amal itu, amal yang baik akan diberi ganjaran pahala dan kebajikan sekalipun amal baik itu kecil. Manakala amal yang buruk akan menjadi dosa yang mengakibatkan balasan buruk kepada pelakunya.

Ganjaran yang diberikan itu sangat besar sehingga sepuluh kali ganda dengan rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firmanNya :

Tafsirnya : Sesiapa yang membawa kebajikan (pada hari Kiamat), maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda (daripada amalnya) dan sesiapa yang membawa kejahatan maka dia tidak akan dibalas melainkan seimbang dengan (kejahatan)nya sedang mereka (sedikit) tidak dianiaya.

(Surah Al-An'am : 160)

Kemurahan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam melipatgandakan ganjaran amal kebajikan bukan hanya setakat sepuluh kali ganda bahkan digandakan sehingga tujuh ratus kali ganda. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandung seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurniaNya) lagi Maha Mengetahui.


(Surah al-Baqarah : 261)

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : Maka sesiapa berhasrat (untuk melakukan) kebaikan namun dia belum melakukannya, maka Allah mencatatnya (kebaikan yang dihasratkan) untuknya di sisiNya sebagai kebaikan yang sempurna. Jika dia berhasrat (untuk melakukan) kebaikan lalu dia melakukannya, maka Allah mencatatnya (kebaikan yang dihasratkan) untuknya di sisiNya sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda sehingga berganda-ganda banyaknya, dan sesiapa berhasrat (untuk melakukan) kejahatan namun dia tidak melakukannya (membatalkan hasratnya), maka Allah mencatatnya (kejahatan yang dihasratkan) untuknya di sisiNya sebagai kebaikan yang sempurna. Jika dia berhasrat (untuk melakukan) kejahatan lalu dia melakukannya, maka Allah mencatatnya (kejahatan yang dihasratkan) untuknya sebagai satu kejahatan sahaja (tanpa gandaan).

Kebajikan Yang Dilakukan Sebelum Memeluk Islam

Melakukan perkara kebaikan adalah perkara yang dipandang mulia oleh semua orang. Kecenderungan untuk melakukan



IRSYAD HUKUM

جَانِبٌ مِّنْ كَرَامَاتِ
جَانِبٌ مِّنْ كَرَامَاتِ كَرَامَاتِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

perkara kebaikan itu didorong oleh banyak faktor. Antaranya ialah ajaran agama, adat resam, budaya, etika dan lain-lain. Bahkan ada juga yang didorong oleh perasaan ingin mendapat sanjungan atau pujian.

Bagi orang Islam, melakukan perkara kebaikan itu adalah didorong oleh ketaatan kepada perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di samping mengharapkan redhanya yang menyebabkan pelakunya diberi ganjaran pahala dan dimasukkan ke syurga. Namun dalam perkara kebaikan yang mendapat ganjaran pahala ini, adakah perkara kebaikan yang dilakukan oleh orang bukan Islam juga diberi ganjaran pahala oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* apabila dia memeluk Islam?

Dalam kitab al-Jami' li Ahkam al-Qur'an, dibawakan beberapa pendapat para ulama dalam memberi tafsiran ayat 7 dan 8 surah az-Zalzalah berkaitan balasan atas kebaikan dan kejahatan yang dilakukan manusia. Menurut Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, kebaikan dan amal baik sekalipun sebesar zarah yang dilakukan oleh orang kafir, diperlihatkan balasannya di dunia, tetapi tidak ada ganjaran untuknya di akhirat. Menurut Imam Muhammad bin Ka'ab al-Qurazhi *Rahimahullah* pula, orang kafir yang membuat kebaikan atau amal baik sekalipun sebesar zarah akan diperlihatkan balasannya di dunia. Sama ada balasan itu kepada dirinya, hartanya atau keluarganya sehingga dia meninggal dunia. Setelah itu tidak ada lagi apa-apa kebaikan untuknya di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Walau bagaimanapun apabila orang kafir itu memeluk Islam, kebajikan dan amal baik yang dilakukannya sebelum memeluk Islam itu adalah juga diterima dan diberi ganjaran pahala oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perkara ini ada disebut dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Hakim Ibn Hizam *Radhiallahu 'anhu*, katanya :

Maksudnya : Wahai Rasulullah, apa pandangan tuan tentang perkara-perkara (kebaikan) yang saya lakukan pada waktu jahiliyyah (sebelum Islam) daripada sedekah atau pembebasan hamba dan silaturrahim. Adakah padanya (perkara tersebut) ganjaran pahala?

Maka Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda : "Engkau memeluk Islam bersama dengan perkara kebaikan yang telah engkau lakukan dahulu".

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* ketika menghuraikan hadits di atas, beliau menyebut bahawa apabila orang kafir melakukan perbuatan-perbuatan baik dan elok seperti bersedekah, menyambung silaturrahim kemudian memeluk Islam dan meninggal dunia dalam keadaan Islam, maka ganjaran pahala atas perbuatan-perbuatannya sebelum Islam itu akan dicatat untuknya. Dalam erti kata lain, orang kafir yang memeluk Islam juga akan memperoleh ganjaran pahala atas amal kebajikan yang dilakukannya sebelum dia memeluk Islam. Semua ini adalah atas luasnya rahmat dan ihsan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Walau bagaimanapun apabila orang kafir itu memeluk Islam, kebajikan dan amal baik yang dilakukannya sebelum memeluk Islam itu adalah juga diterima dan diberi ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

TAHUN BAHARU CINA TERUS MERIAH

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Februari. - Tahun Baharu Cina merupakan perayaan terpenting bagi masyarakat Cina dalam menyambut tahun baharu di dalam kalendar qamari Cina, yang terbahagi pada kitaran 12 tahun dan dinamakan sempena nama haiwan juga Tahun Baharu Cina melambangkan permulaan, iaitu titik permulaan dalam nasib dan kehidupan.

Sehubungan itu, kita juga tidak ketinggalan menyaksikan kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina, di Fasa Awal Endemik ini, dengan menyaksikan 'Lion Dance' sebagai pembuka acara.

Walau bagaimanapun acara yang mengambil tempat di Tokong China, Bandar Seri Begawan itu, diadakan dengan mengikut Garis Panduan bagi Gereja dan Tokong

semasa Fasa Awal Endemik, Garis Panduan Perkumpulan Ramai semasa Fasa Awal Endemik juga Garis Panduan Pengawalan COVID-19 yang diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada tahun ini, 'Year of Tiger' menyerikan Sambutan Tahun Baharu Cina, di mana Harimau ialah bintang haiwan yang ketiga dalam kitaran 12 haiwan zodiak Cina dan dilambangkan oleh dahan duniawi.

Harimau dikenali sebagai raja segala binatang di China, di mana tanda zodiak Harimau adalah simbol kekuatan, mengusir kejahatan, dan melambangkan keberanian, justeru ramai kanak-kanak Cina memakai topi atau kasut dengan imej harimau untuk nasib baik.

Menurut kepercayaan masyarakat Cina, Tahun 2022 adalah tahun Harimau Air, ia bermula dari 1 Februari 2022 dan berakhir pada 21 Januari 2023 juga Tahun Harimau Air ini berlaku setiap 60 tahun.

Tahun Harimau, termasuk dalam tahun-tahun berikut, iaitu 2022 (Harimau Air); 2010 (Harimau Logam); 1998 (Harimau Tanah);



ORANG ramai semasa menyaksikan kemeriahan Tahun Baharu Cina yang diserikan lagi dengan Tarian Singa yang berlangsung di Tokong Cina Bandar Seri Begawan (atas dan bawah kiri).



1986 (Harimau Api); 1974 (Harimau Kayu); 1962 (Harimau Air); 1950 (Harimau Logam); 1938 (Harimau Tanah); 1926 (Harimau Api); 1914 (Harimau Kayu); dan 1902 (Harimau Air).

Menurut Astrologi Cina, sesiapa yang lahir dalam mana-mana lingkungan tarikh pada 'Tahun Harimau' memiliki polariti 'Yang', di mana ia mencerminkan sifat positif, seperti berdikari, berani, yakin, dinamik, gigih, bertenaga, cerdas, sanggup berkorban, setia, mudah disayangi, baik hati, idealistik dan serba boleh.

Bersempena sambutan perayaan ini juga, rumah-rumah masyarakat Cina dihiasi dengan buah limau sebagai simbol murah

rezeki, bunga dan pokok limau kumquat, kaum keluarga akan makan besar dengan masakan tradisi, seperti itik salai, sosej, kek beras dan limau mandarin.

Manakala golongan muda pula akan melawat golongan tua dan menerima wang angpau dalam sampul merah, bagi melambangkan nasib baik, yang diberikan oleh orang yang berkeluarga kepada mereka yang masih belum kahwin.

Selain itu, perarakan tarian Naga atau Singa akan diadakan dengan kereta berhias, diiringi bunyi gendang dan 15 hari selepas Perayaan Tahun Baharu Cina, perayaan akan ditamatkan dengan Perayaan Chap Goh Mei.

26 individu lagi ditahan dalam Operasi Ice Sibling

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

>> Muka 1

Individu-individu yang ditahan merupakan ahli-ahli sindiket yang

berperanan sebagai penjual dadah kecil-kecilan atau *pusher* dadah dan *runner* kepada ketua sindiket yang telah ditahan

■ **OPERASI** yang menyasarkan lima buah lokasi di Daerah Brunei dan Muara iaitu di Kampung Lambak Kiri, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kampung Terunjing, Kampung Lupak Luas dan di Daerah Belait, Jalan Singa Menteri yang dijalankan secara serentak pada 10 dan 11 Januari 2022 telah berhasil menahan seramai 26 orang iaitu 21 orang lelaki dan lima perempuan yang berumur di antara 20 - 54 tahun.

■ **DALAM** operasi tersebut, BKN telah berjaya merampas dadah jenis syabu seberat 18 gram, wang tunai berjumlah BND288, alat timbangan digital, alat-alat perkakas untuk menghisap dadah dan sebuah kereta.

■ **INDIVIDU-individu** yang ditahan merupakan ahli-ahli sindiket yang berperanan sebagai penjual dadah kecil-kecilan atau *pusher* dadah dan *runner* kepada ketua sindiket yang telah ditahan pada bulan Disember 2021 yang lalu.

pada bulan Disember 2021 yang lalu.

Dua orang yang ditahan di Jalan Singa Menteri, Daerah Belait iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan merupakan pengedar yang membekalkan dadah kepada pengguna-pengguna di Daerah Belait. Tangkapan lelaki ini adalah adik kepada suspek utama Operasi Black Widow yang juga telah ditahan oleh BKN.


Turut ditahan ialah beberapa individu yang merupakan pelanggan dadah kepada suspek-suspek tersebut. Kesemua tangkapan akan disiasat di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 dan Perintah Mendapatkan Kembali Hasil Jenayah 2012.



DUA orang yang ditahan di Jalan Singa Menteri, Daerah Belait, iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan merupakan pengedar yang membekalkan dadah kepada pengguna-pengguna di Daerah Belait (kiri dan kanan). Manakala gambar-gambar di bawah, BKN berjaya merampas dadah jenis syabu seberat 18 gram, wang tunai berjumlah BND288, alat timbangan digital, alat-alat perkakas untuk menghisap dadah dan sebuah kereta.

Di dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada agensi-agensi perisikan

keselamatan dan penguatkuasaan di negara ini atas bantuan dan kerjasama yang diberikan ke arah menjayakan operasi ini.



JALANI CABARAN PENGAJIAN DALAM NORMA BAHARU

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim



AWANG Abdul Ba'sith bin Haji Abdul Aziz, graduan Master of Logistics bersama ibu, Dayang Hajah Nor Edzuhara binti Haji Haris dan ayah, Awang Haji Abdul Aziz bin Awang Haji Sirat (kiri); Dayang Nur Amanina Auni binti Abdullah, graduan Diploma in Education (tengah); dan Dayang Siti Habasyiyah binti Abdul Wahab, graduan dalam Master of Teaching (kanan) ketika ditemu bual.

TUNGKU LINK, Isnin, 31 Januari. - Pengalaman manis dan cabaran sepanjang menjalani pengajian setentunya akan terpahat dalam hati para graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang berjaya menggenggam segulung sijil di tangan masing-masing, pada Majlis Konvokesyen Ke-33 UBD, yang berlangsung di Dewan Canselor UBD, baru-baru ini.

Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual beberapa graduan bagi mengongsikan pengalaman dan cabaran di sepanjang pengajian di UBD, lebih-lebih lagi dalam keadaan norma baharu.

Ketika ditemui, Awang Abdul Ba'sith bin Haji Abdul Aziz, 23 tahun, graduan Master of Logistics mengongsikan pengalaman beliau semasa pengajian di UBD.

"Pada mulanya, kelas dalam talian merupakan satu pengalaman baharu, tetapi kami sedang beralih ke norma dunia baharu, jadi ia sebenarnya satu pengajaran yang hebat untuk mempersiapkan diri untuk masa hadapan," kongsi Awang Abdul Ba'sith.

Menyentuh mengenai pengorbanan dan cabaran semasa menjalani kursus adalah beliau terpaksa menumpukan lebih kepada pelajaran dan mengurangkan *entertainment* dan akhirnya sudah pasti berbaloi.

"Secara amnya saya banyak bertemu rakan baharu dan meningkatkan ikatan silaturahim. Pengajaran hidup yang saya pelajari ialah meluahkan fikiran dan pendapat awda jika saya rasa ada perkara yang boleh saya sumbangkan," jelasnya lagi mengimbau kembali kenangan manis sepanjang pengajian.

Sementara itu, kedua ibu bapa beliau melahirkan perasaan syukur dan gembira kerana anak mereka telah pun tamat pengajian. "Harapan agar anak saya mendapat prospek pekerjaan yang lebih baik. Alhamdulillah, saya berasa gembira dan bersyukur anak saya telah tamat pengajian," ujar ibu Abdul Ba'sith, Dayang Hajah Nor Edzuhara binti Haji Haris.

"Selaku bapa, saya menjunjung kasih di atas kemudahan yang

diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kita selaku rakyat," jelas Awang Haji Abdul Aziz bin Awang Haji Sirat, ayah kepada Awang Abdul Ba'sith kepada media.

Manakala bagi Dayang Siti Habasyiyah binti Abdul Wahab, graduan dalam Master of Teaching ketika ditemui media juga turut mengongsikan pengalaman beliau.

"Pengalaman pengajian dalam norma baharu mendedahkan saya kepada pelbagai kaedah pembelajaran, seperti penggunaan Video Call bagi pembelajaran secara langsung dan kuliah yang dirakam awal. Di samping itu, penghantaran tugas dan maklum balas daripada pensyarah juga dilaksanakan secara dalam talian.

"Satu pengalaman baharu dalam pembentangan tugas yang sepatutnya dijalankan secara

bersemuka, namun disebabkan oleh keadaan yang tidak mengizinkan untuk bersemuka, ia terpaksa ditukar menjadi rakaman, di mana ini memberi peluang untuk mendapatkan kemahiran baharu," kongsi.

Semasa ditanya mengenai pengorbanan atau cabaran sepanjang pengajian di UBD, beliau menjelaskan, setiap perjalanan pasti ada cabarannya, tidak terkecuali perjalanan pembelajaran beliau di UBD.

"Antara cabarannya ialah perubahan suasana pembelajaran secara drastik iaitu pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan di rumah bukannya secara bersemuka di universiti. Kaedah pembelajaran sebegini memerlukan kebijaksanaan dalam pengurusan masa kerana amat mudah untuk melengah-lengahkan tugas," tambahnya.

Beliau turut menyentuh mengenai kenangan manis yang akan dibawa dari perjalanannya sebagai mahasiswi UBD sampai

bila-bila.

"Hasil tugas (tesis) saya telah diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Antarabangsa (5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021 Edition)," jelasnya.

Ketika ditanya apakah pengajaran *life lessons* yang diperoleh daripada menjadi seorang mahasiswi di UBD, jelasnya, "Kehidupan sebagai mahasiswi UBD mengajar saya untuk lebih fleksibel dan berfikir di luar kotak dalam pembelajaran, mahupun membuat keputusan, lebih-lebih lagi keadaan negara dilanda COVID-19".

Manakala bagi Dayang Nur Amanina Auni binti Abdullah, graduan Diploma in Education yang berumur 33 tahun juga mengongsikan pengalaman yang amat bermakna sebagai *in service student*.

Setelah sekian lama meninggalkan suasana universiti dan kembali belajar terutamanya dalam norma baharu ini. Walaupun berlatarbelakangkan bidang ICT, ia suatu proses pembelajaran yang menarik dan berlainan daripada pembelajaran yang biasa.

Less interaction face-to-face mungkin berasa ganjil pada awalnya tetapi ia tidak mengurangkan fokus untuk belajar secara dalam talian.

Pelbagai teknik pembelajaran secara dalam talian telah diubah suai bagi menyesuaikan skop pembelajaran tersebut. Pensyarah perlu berfikir terbuka dan secara tidak langsung menjadi seorang yang teramat kreatif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan.

"Proses pembelajaran jika dibandingkan sebelum dan sesudah kerja amatlah berbeza. Jika sebelumnya, fokus utama adalah hanya untuk lulus tanpa memahami sepenuhnya akan pentingnya menuntut ilmu.

"Berlainan apabila sudah menjadi *in service student*, fokus itu adalah lebih kepada memperkayakan dan meluaskan lagi ilmu pengetahuan secara profesional dan kemudiannya untuk mempraktikkan apa yang dipelajari demi penuntut yang saya ajar (pekerjaan sekarang).

"Manakala cabarannya tambahan, bila harus mempersiapkan diri secara fizikal dan mental untuk kembali belajar dan menyiapkan kertas kerja, pembentangan sebelum *due date* serta mempersiapkan diri bagi menduduki peperiksaan akhir dan alhamdulillah lulus semua modul, pada usia 33 tahun," terangnya.

"Kenangan manis adalah keakraban persahabatan yang baharu antara penuntut Diploma in Education kerana kami cuma seramai enam orang. Kami saling tolong-menolong di antara satu sama lain kerana kami datang bidang dan latar belakang yang berbeza.

"Dengan *skill* dan pengetahuan masing-masing kami saling membantu jika ada yang kekurangan terutamanya dalam modul-modul yang tertentu.

"Tidak lupa juga kami mempunyai pensyarah-pensyarah yang amat memahami dan mengambil berat serta sentiasa bermurah hati berkongsi tunjuk ajar dan pengalaman mereka mengajar di sekolah-sekolah yang lama sebelum menjadi pensyarah di UBD," tambah beliau lagi.

Ubah *mindset*, berusaha memajukan diri



PARA graduan yang diraikan, Dayang Nurhikmah binti Haji Abdullah (kiri); Dayang Nurul Amajida binti Haji Roslim (dua, kiri); Awang Mohamad Nasihin bin Haji Mohd. Lisa (dua, kanan); dan Soni Karri (kanan) ketika ditemu bual.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, HERNIE SULIANA HAJI OTHMAN

TUNGKU LINK, Isnin, 31 Januari. - Para lepasan graduan hendaklah mengadaptasikan ilmu dan kemahiran untuk memajukan sistem ekonomi dan pekerjaan di Negara Brunei Darussalam.

Lantas, kita janganlah mengabaikannya malah tidak menia-siakan peluang yang ada dan memanfaatkan ilmu dan kemahiran itu sebagai *business*.

Awang Mohamad Nasihin bin Haji Mohd. Lisa semasa ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Konvokesyen Ke-33 Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang diadakan di Dewan Canselor, UBD baru-baru ini, seterusnya mengongsikan, sebagai seorang pelajar, kita mesti menggunakan peluang baik tersebut untuk mempelajari ilmu dan kemahiran semasa

masih dalam pengajian.

Justeru, memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen UBD tersebut beliau berpendapat adalah wajar bagi mahasiswa dan mahasiswi untuk tidak berputus asa dalam sama-sama berusaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

Begitu juga, salah seorang lepasan ijazah program Doktor Falsafah dalam Sains Komputer,

Soni Karri, 39 tahun, yang merupakan seorang pelajar antarabangsa yang telah berjaya menamatkan pengajian di UBD.

Menurutnya, pengajian selama tiga tahun dalam program tersebut adalah satu cabaran, namun sokongan dan dorongan berterusan daripada keluarga dan penyeliannya memberikan semangat beliau untuk memenuhi impiannya.

>> Muka 13

PENDIDIKAN BERKESAN JAMIN KECEMERLANGAN NEGARA



PENOLONG Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Ismail Abbas pada episod ketujuh Program Nadwah Tarbiah Islamiah, dengan konsep pengisian Bual Bicara Tarbiah Islamiah secara dalam talian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Kepimpinan merujuk pada kepimpinan yang terbaik, iaitu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang juga menjadi rujukan kepimpinan Islam, di Negara Brunei Darussalam khususnya.

Pemimpin, menurut Penolong Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Ismail Abbas, adalah ketua-ketua yang diamanahkan, seperti guru besar, malahan juga guru-guru sekolah. Mereka perlu terdiri daripada pemimpin, dengan kepimpinan yang cemerlang.

Maka dengan itu, nyata beliau, selain kebolehan sebagai guru yang berkualiti, mereka dapat menangani pendidikan generasi baharu yang sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa.

Penolong Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Dr. Ismail Abbas menyampaikan hal berkenaan pada episod ketujuh Program Nadwah Tarbiah Islamiah, dengan konsep pengisian Bual Bicara Tarbiah Islamiah secara dalam talian, dengan tema perbincangan, 'Sosiologi Pendidikan', bertajuk, 'Kepimpinan Pendidikan Alaf Baharu', baru-baru ini.

Pendidikan yang berkesan adalah penting bagi menjamin kecemerlangan negara dan dengan ini, perlunya kepimpinan pendidikan alaf baharu.

Keberkesanan dalam kepimpinan, ujar beliau, dapat

dilihat daripada perbezaan prestasi setiap sekolah walaupun kepimpinan sekolah, terdiri daripada pemimpin yang berkualiti dan cemerlang yang terpilih berdasarkan kebolehan dari segi kurikulum.

Hal ini, menurutnya, adalah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu penglibatan dan kesibukan kepimpinan sekolah dalam pentadbiran pengurusan sekolah, yang menyebabkan pengabaian juga kurangnya perhatian terhadap pentadbiran pendidikan.

Peranan sebagai pentadbiran pendidikan tidak dapat dilakukan dengan sebaiknya kerana kesibukan pemimpin sekolah akan perkara yang remeh temeh dan mengabaikan keberkesanan cara pengajaran guru juga pengendalian kelas dan pelajar.

"Sifat pemimpin yang autokratif juga adalah salah satu faktor yang secara tidak langsung memberi impak pada pengurusan pendidikan. Hubungan pemimpin dengan para guru di sekolah haruslah baik.

"Kerjasama pemimpin dan para guru adalah sangat penting dalam sama-sama menjalankan amanah yang diberikan untuk mencapai matlamat sekolah. Sebarang konflik dalaman akan mengganggu tumpuan para guru dalam membina ihsan dan hanya memfokuskan kepada membina akal pelajar.

"Maka, pemimpin sekolah tidak harus hanya memfokuskan kepada bagaimana cara untuk berjaya dalam pendidikan tanpa menekankan pendidikan

akhlak," ujarnya.

"Generasi sekarang adalah generasi internet berfikir dengan cara yang berbeza dan guru perlu bertindak luar biasa, dari segi pengajaran dan pentadbiran. Kerjasama di antara semua pihak perlu ada bagi memastikan tujuan adalah sama, iaitu memastikan kecemerlangan pelajar dari segi pendidikan, pendidikan Islam dan pembinaan akhlak.

"Selain sekolah agama, KUPU SB adalah juga salah satu institusi yang sentiasa mengambil berat dalam usaha melahirkan guru yang berkecemerlang," terangnya lagi.

Dr. Ismail Abbas seterusnya menambah, kepimpinan alaf baharu ini perlu dalam melahirkan pelajar yang cemerlang, di mana cara memimpin dalam situasi yang baharu disebabkan oleh cabaran baharu, yang memerlukan strategi baharu dengan memerlukan tindakan dan perubahan dalam cara pengajaran.

Menurut beliau, salah satunya adalah dengan mengambil contoh pengurusan di luar negara yang mengamalkan cara kepimpinan distributif, iaitu dengan melantik guru-guru cemerlang sebagai pemimpin dan menjadi contoh kepada guru-guru yang lemah.

Mereka akan membantu dalam memastikan peningkatan prestasi, dari segi pendidikan, bahkan disiplin pelajar.

Namun, ini bukan bermaksud mereka mengambil alih tugas sebagai ketua sekolah. Guru yang berkemahiran tinggi dan cemerlang ini akan membantu membimbing guru-guru lain agar juga menjadi guru yang cemerlang, dengan memberikan kursus. Ia boleh dilaksanakan secara praktikal, sama ada oleh guru dari sekolah yang sama atau sekolah lain.

Dr. Ismail dalam pada itu turut menegaskan, bahawa persefahaman di antara pihak pentadbir bersama guru-guru di sekolah perlu ada.

Guru perlu diberi keyakinan dalam pengurusan agar mereka cepat bertindak dalam sama-sama mencapai matlamat sekolah, khususnya kecemerlangan pendidikan pelajar.

Pencapaian perlu dilihat bukan hanya dari segi membina jasmani dan akal semata-mata, namun juga perlu menitikberatkan

■ Berita dan Foto : Aimi Sani

kecemerlangan dari segi rohani.

Tambahan lagi, dengan penekanan Melayu Islam dan Beraja (MIB) di Negara Brunei Darussalam khususnya. Kecemerlangan dalam agama adalah perlu, selain hanya berjaya dalam peperiksaan.

Nadwah Tarbiah Islamiah merupakan anjuran kerjasama Fakulti Pendidikan, Pusat Multimedia dan Teknologi juga Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, KUPU SB.

Program ini menekankan aspek kesepaduan di antara teori dan praktik. Diharap perkongsian akan memberikan para pendengar kefahaman dan amalan terbaik dalam inovasi pengajaran juga pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan sesuai dengan perkembangan semasa dan norma baharu.

Pada masa yang sama, memberi manfaat kepada peserta dalam aspek persejarahan Pendidikan Islam Holistik, bagi mendepani masa depan yang lebih cemerlang dalam pembangunan ummah.

■ **PEMIMPIN** adalah ketua-ketua yang diamanahkan, seperti guru besar, malahan juga guru-guru sekolah. Mereka perlu terdiri daripada pemimpin, dengan kepimpinan yang cemerlang.

■ **SIFAT** pemimpin yang autokratif juga adalah salah satu faktor yang secara tidak langsung memberi impak pada pengurusan pendidikan. Hubungan pemimpin dengan para guru di sekolah haruslah baik.

■ **KERJASAMA** pemimpin dan para guru adalah sangat penting dalam sama-sama menjalankan amanah yang diberikan untuk mencapai matlamat sekolah. Sebarang konflik dalaman akan mengganggu tumpuan para guru dalam membina ihsan dan hanya memfokuskan kepada membina akal pelajar.

■ **PEMIMPIN** sekolah tidak harus hanya memfokuskan kepada bagaimana cara untuk berjaya dalam pendidikan tanpa menekankan pendidikan akhlak.

■ **DI** luar negara mengamalkan cara kepimpinan distributif, iaitu dengan melantik guru-guru cemerlang sebagai pemimpin dan menjadi contoh kepada guru-guru yang lemah.

■ **MEREKA** akan membantu dalam memastikan peningkatan prestasi, dari segi pendidikan, bahkan disiplin pelajar.

■ **INI** bukan bermaksud mereka mengambil alih tugas sebagai ketua sekolah. Guru yang berkemahiran tinggi dan cemerlang ini akan membantu membimbing guru-guru lain agar juga menjadi guru yang cemerlang, dengan memberikan kursus. Ia boleh dilaksanakan secara praktikal, sama ada oleh guru dari sekolah yang sama atau sekolah lain.

■ **PERSEFAHAMAN** di antara pihak pentadbir bersama guru-guru di sekolah perlu ada.

■ **GURU** perlu diberi keyakinan dalam pengurusan agar mereka cepat bertindak dalam sama-sama mencapai matlamat sekolah, khususnya kecemerlangan pendidikan pelajar.

■ **PENCAPAIAN** perlu dilihat bukan hanya dari segi membina jasmani dan akal semata-mata, namun juga perlu menitikberatkan kecemerlangan dari segi rohani.

>> Muka 12

"Right now, this is the best moment for me. Receiving my award from His Majesty. It's a dream come true for me. This is the happiest and sweetest moment for me," tambahnya.

Beliau berazam untuk mencari pekerjaan selepas tamat pengajian ini dan berharap untuk memulakan laluan kerjaya (career path) yang berkaitan dengan sains digital.

Selain itu, Soni Karri juga berharap kejayaannya akan dapat menjadi inspirasi untuk anak-anaknya yang masih menuntut di peringkat sekolah rendah di samping akan dapat mengajar anak-anaknya untuk tidak berputus asa dalam mengejar impian mereka dan jangan sekali-kali membiarkan

usia menjadi penghalang kepada apa sahaja yang mereka impikan. "Age is just a number, you can achieve your dream anytime," ujarnya lagi.

Sementara itu, Dayang Nurhikmah binti Haji Abdullah pula melahirkan rasa gembira kerana diraikan dalam Majlis Konvokesyen UBD tersebut.

"Alhamdulillah, kejayaan ini adalah berkat doa dan restu kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberikan semangat dan motivasi untuk terus menimba ilmu, berusaha dengan gigih sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang," katanya yang kini melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana dalam jurusan Pengurusan dan Teknologi di Universiti Teknologi Brunei.

Dayang Nurhikmah turut

berharap agar para pelajar untuk mengubah mindset dan mendisiplinkan diri juga sama-sama berusaha dalam memajukan diri, memantapkan sahsiah, membina kekokukan keluarga dan berjaya dengan cemerlang demi kemajuan bangsa dan negara kita sendiri.

Perasaan yang sama juga dikongsikan oleh Dayang Nurul Amajida binti Haji Roslim, di mana sepanjang tempoh pengajian semasa pandemik ini merupakan satu cabaran yang dihadapinya kerana pembelajaran seperti aktiviti-aktiviti luar (field trip work) sebagai satu pembelajaran penting di dalam bidang Geosciences adalah berkekurangan.

"Bagi saya ini merupakan cabaran terutamanya dalam pengumpulan data, namun, alhamdulillah, saya bersyukur ke

hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan pihak UBD kerana telah memberi saya peluang untuk meneruskan kajian dan pembelajaran di UBD.

"InsyaaAllah, kalau diberikan peluang lagi untuk meneruskan kajian ini, saya akan meneruskannya terutamanya dalam kajian palinologi; kajian mengenai debunga dan spora. Kajian ini merupakan kajian yang relatifnya baharu di negara ini dan ini akan membuka ruang yang luas untuk menerokainya lagi," jelas Dayang Nurul Amajida.

Oleh itu, beliau dengan pandangan titah Kebawah DYMM semasa Majlis Konvokesyen UBD hari ini mengenai para graduan untuk gigih berdirikan dan berdaya tahan adalah disambut baik di mana individu itu

hendaklah sentiasa gigih, bersemangat untuk belajar, menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan teliti, cekap dan ikhlas.

Para graduan juga hendaklah menyesuaikan diri dengan perubahan semasa dari segi teknologi terkini dan sistem pendidikan yang terkemuka.

Dalam hal ini, beliau seterusnya berharap dan menyenaraikan kepada para mahasiswa dan mahasiswi yang masih menuntut di UBD adalah untuk sentiasa bersikap proaktif dalam mengejar impian, untuk tidak berputus asa dan sentiasa percaya pada diri sendiri, hendaklah teratur dan jadikanlah tarikh akhir penyerahan tugas keutamaan diri sendiri dan juga berkomunikasi baik dengan penyelia, pensyarah, cikgu dan staf-staf di universiti.



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan :
PENSYARAH (PT1A) /
PENOLONG PROFESOR
(PT2 / PT2A)

Tangga Gaji :
PT1A (BND3,190.00 -
BND3,300.00 - BND3,410.00 -
BND3,520.00 - BND3,640.00 -
BND3,760.00 EBKhas
BND3,880.00 - BND4,000.00 -
BND4,120.00 - BND4,240.00)

PT2 (BND3,880.00 -
BND4,000.00 - BND4,120.00 -
BND4,240.00 - BND4,360.00
EBKhas BND4,480.00 -
BND4,600.00 - BND4,720.00 -
BND4,840.00 - BND4,960.00)

PT2A (BND4,480.00 -
BND4,600.00 - BND4,720.00 -
BND4,840.00 - BND4,960.00 -
BND5,080.00 - BND5,200.00 -
BND5,320.00 - BND5,400.00
EBKhas BND5,610.00)

Syarat-Syarat Kelayakan :

1. BAGI JAWATAN PENSYARAH
DALAM TANGGA GAJI PT1A :

1.1 Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua

atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau sebanding dalam bidang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1.2 Benar-benar mempunyai minat untuk mengajar dan membuat penyelidikan.

1.3 Berumur tidak melebihi 35 tahun adalah kelebihan.

2. BAGI JAWATAN PENOLONG
PROFESOR DALAM TANGGA
GAJI PT2 / PT2A :

2.1 Mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dimana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran

(Ph.D).

2.2 Berumur tidak melebihi 40 tahun adalah kelebihan.

2.3 Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

2.4 Bagi tangga gaji PT2, syarat tambahan adalah :

2.4.1 Telah berkhidmat dengan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Pensyarah di dalam tangga gaji PT1A selama tidak kurang dari empat (4) tahun

ATAU

Telah berkhidmat dengan Pusat-Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri termasuk bukan kerajaan yang diiktiraf oleh kerajaan di dalam jawatan sebanding dengan jawatan Penolong Profesor atau jawatan sebanding dengan petugasan *substantive* mengajar dan menyelidik didalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

2.4.2 Menunjukkan potensi tinggi untuk maju di dalam pengajaran, penyelidikan, kebolehan di dalam penulisan akademik dan perkhidmatan kepada umum.

2.5 Bagi tangga gaji PT2A, syarat tambahan hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang

jawatan yang sebanding dengannya.

- Mempunyai rekod cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan.

- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian.

- Dibidang penyelidikan TELAH MULA menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam *refereed journal* atau sumbangan bab atau *chapter* di dalam buku-buku akademik atau menghasilkan kertas - kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa atau menerbitkan buku akademik.

- Pernah menyelia tesis Ijazah Sarjana sebagai satu kelebihan.

- Pernah memegang jawatan-jawatan sebagai Ketua Jabatan atau Penolong Ketua Jabatan atau Penolong Dekan atau jawatan berkaitan dengan rekod prestasi sekurang-kurangnya sangat baik sebagai satu kelebihan.

TUGAS DAN
TANGGUNGJAWAB :

a. Memberi kuliah, tutorial dan menjalankan penyelidikan.

b. Komited dalam kegiatan Universiti Brunei Darussalam untuk kepentingan kerja dan kemajuan Universiti Brunei Darussalam.

c. Menyumbang kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan dan menerbitkan hasil-hasil kerja akademik dan penyelidikan.

d. Aktif di dalam sumbangan kemasyarakatan berkaitan dengan bidang.

e. Tugas dan tanggungjawab lain seperti yang diarahkan

oleh Dekan Fakulti dan Pegawai Atasan Universiti.

MENGHADAPKAN BORANG
PERMOHONAN

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini :

<https://forms.gle/tnc6YLXTFywbQgdQ7> dan memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang - borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 26 Februari 2022.

BAGI PEMOHON YANG
BERKHIDMAT DENGAN
KERAJAAN

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut :

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan
4. Dokumen-Dokumen tersebut hendaklah dihadapkan tidak lewat 30 Disember ke alamat berikut :

Pendaftar dan Setiausaha
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Pejabat Sumber Tenaga
Manusia]

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

Tarikh Iklan :
18 Januari 2022

[DA(BPPA-JAN-2022)]

Keterangan Tawaran :
TAWARAN MEMBEKAL
DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
SULTAN HASSAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
DAERAH TEMBURONG
KOD BLOK : PH/S2
BAGI TEMPOH SATU
(1) TAHUN

Yuran Tawaran :
BND15.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 Februari 2022
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN
TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KKE / BTM / PROC / 2022 / 01

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Barang
Gunahabis (Consumables)
Toner Mesin Mencetak
Bagi Kegunaan
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi
Selama Satu Tahun (1)

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang,
Sabtu,
19 Februari 2022.



KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

BAHAGIAN BANGUNAN
DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 265 / 2021

Tajuk Tawaran :
URGENT CLEANING WORKS,
REPAIR AND REPAINTING
WORK TO THE EXTERNAL
WALL SURFACE TO OMAR ALI
SAIFUDDIN MOSQUE,
BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
9 Februari, 2022,
2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)



JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2021 / SH-32

THE SUPPLY, INSTALLATION
AND COMMISSIONING
OF EMERGENCY CONSOLE
WORKSTATION POSITION
FOR VCCS SYSTEM AT
AIR TRAFFIC SERVICE
CENTRE,
DEPARTMENT
OF CIVIL AVIATION.

Tarikh Tutup :
Rabu, 16 Februari 2022



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM


TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 114 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-FEB-2022)]

Keterangan Tawaran :
TAWARAN MEMBEKAL
DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
AWANG SEMAUN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KOD BLOK : PH/S1 BAGI
TEMPOH SATU (1) TAHUN

Yuran Tawaran :
BND15.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 115 / 2021 / 2022





KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN
TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

1. Bil. Tawaran :
PHARM / 17 / 2022

Keterangan :
THE SUPPLY
AND
DELIVERY OF MEDICINES
FOR
THE DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

2. Bil. Tawaran :
PHARM / 18 / 2022

Keterangan :
THE SUPPLY
AND
DELIVERY OF MEDICINES
FOR
THE DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup :
Selasa,
15 Februari 2022,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Tarikh Iklan Website :
19 Januari 2022



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM

Kelas :
III & IV SAHAJA

Kategori :
[KA 01 DAN M03 SAHAJA]
- KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 002 / 2022 -
(SEW).T. IV

Nama Projek :
KONTRAK BERMUSIM
TIGA (3) TAHUN
'INTEGRATED'
BAGI
KERJA-KERJA OPERASI
DAN
PEMELIHARAAN LOJI-LOJI
RAWATAN KUMBAHAN PINTU
MALIM & LUMAPAS

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
22 Februari 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
15 Mac 2022,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN
SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA
DAN
PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0103 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
'TO PROVIDE TECHNICAL
SERVICE FOR FISHERY
PRODUCTS (SHRIMP MEAT)
IN COMPLIANCE TO ISO/IEC
17025 STANDARDS PHASE 2
COMPLETE WITH
LOGO OF ACCREDITATION
BODIES (SAMM, SAC
SINGLAS,UKAS) ON TEST
RESULTS REPORTS'

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada
Khamis,
10 Februari 2022,
jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tajuk Tawaran :
Term contract
to supply, install
and

maintenance of existing
Main Switchboards at Civil
Aviation Department,
Brunei International Airport
JPA / AME / 2022-2025 / 01
(Kelas III dan IV)



Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tender :
2 Februari 2022
(Rabu)

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tender :
7 Mac 2022 (Isnin)

Tarikh Tutup Tender :
8 Mac 2022,
(Selasa)
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

MAKLUMAN PELANJUTAN
TARIKH TUTUP IKLAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tajuk Tawaran :
MINDEF/DFA/INFRA/

FY2021/T/AP/004
(JPPK/LTN/01/2021)
PROPOSED QUARTER
MASTER BUILDING,
DEFENCE ACADEMY,
KAMPONG TANAH JAMBU.

Tarikh Tutup
Dilanjutkan Sehingga:
Selasa,
8 Februari 2022,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

JABATAN
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN BAGI
(2) DUA BUAH UNIT RUANG
KEDAI DAN PERKHIDMATAN,
DEWAN KEMASYARAKATAN
KAMPUNG PANDAN,
KUALA BELAIT

Bilangan Tawaran :
JDB/BMP/5.1/B

Tarikh Tutup :
Isnin,
14 Februari 2022,
jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas : VI SAHAJA

Kategori : KA01

Bilangan :
JKR / DOR / SRC 22 / 2021

Nama Projek :
PEMBINAAN JEJAMBAT
DI PERSIMPANGAN
LEBUHRAYA MUARA - TUTONG
/ PENEMPATAN TAPAK
INDUSTRI TG. KAJAR
(RETENDER).

Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :
Rabu,



Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
15 Februari 2022,
jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
22 Februari 2022,
jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pbeinformation.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

MSPSBS ADAKAN ORIENTASI BAGI PELAJAR BAHARU



PENGETUA MSPSBS, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan semasa memberikan ucapan bermula tahun ini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) mengalu-alukan kedatangan penuntut-penuntut baharu bagi Tahun 7 yang memulakan pembelajaran di maktab berkenaan bermula tahun ini.

Sehubungan itu, MSPSBS mengendalikan orientasi para penuntut baharu tahun 2022 selama tiga hari bermula dari 24 hingga 27 Januari, baru-baru ini.

Seramai 311 yang berjaya meneruskan pembelajaran di maktab berkenaan mengikuti sesi orientasi dengan penyebaran maklumat dan aktiviti yang berkaitan dengan komuniti pelajar.

Para pelajar baharu yang mendaftar 24 Januari lalu, kebanyakannya sudah menerima dua dos vaksin dan sebilangannya lagi menjalani pembelajaran secara maya sehingga mereka lengkap dos vaksinasi COVID-19.

Berikutan dengan protokol MSPSBS, semua penuntut perlu menjalani Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum menjalani pembelajaran di maktab itu.

Pengetua MSPSBS, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan semasa memberikan ucapan alu-aluan di Auditorium



maktab tersebut, menyeru para pelajar untuk mematuhi visi dan misi maktab.


Dayangku Hajah Norhasima juga berucap dan menjelaskan, bahawa para pelajar boleh mencapai potensi tertinggi mereka dalam pembangunan akademik secara holistik sebagai generasi masa hadapan yang berjaya.

Para penuntut juga membacakan ikrar serta diberikan penerangan serta garis panduan berkaitan akademik, CCA, disiplin dan perkara berkaitan MSPSBS dari beberapa ketua seksyen maktab.

Sepanjang sesi orientasi menyaksikan para penuntut melibatkan diri dalam dengan Jabatan Kaunseling dan aktiviti kreatif bersama Jabatan Akademik.

Selain itu, para pelajar telah diberikan buku teks, serta berjumpa dengan guru tingkatan masing-masing dan mereka juga telah memasuki rejimen akademik pada 26 Januari.

MAKTAB Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) mengalu-alukan kedatangan penuntut-penuntut baharu bagi Tahun 7 yang memulakan pembelajaran di maktab berkenaan bermula tahun ini.



Jika awda menerima notifikasi ini melalui Aplikasi BruHealth:

"Data BruHealth awda menunjukkan awda mungkin telah terdedah kepada satu kes Covid-19. Sila hadir ke Pusat Ujian terdekat untuk melakukan ujian swab secepat mungkin."

Awda dikehendaki untuk segera pergi ke mana-mana Klinik Ujian Swab COVID-19 yang berdekatan untuk menjalankan ujian.



Oleh : Haji Fathi Foad Dato Seri Setia Haji Abu Bakar

SEJAK Negara Brunei Darussalam dilanda COVID-19, landskap pendidikan di Negara Brunei Darussalam secara amnya terus berubah. Dengan kaedah pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian tidak mengurangkan semangat para penuntut untuk sentiasa berfikir positif dan berdaya saing untuk cemerlang. Memperoleh segulung ijazah bukanlah satu perkara yang mudah dan bukanlah ia pada satu tempoh yang singkat akan tetapi kecekalan hati dengan penuh iltizam memberikan kejayaan kepada para penuntut di Universiti Brunei Darussalam (UBD) khasnya dan penuntut universiti lain amnya.

Alhamdulillah, kejayaan para penuntut dari lepasan Ijazah Kedoktoran, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma adalah berkat usaha

Berdaya saing dalam teknologi, ekonomi

para pelajar untuk menimba ilmu dan berkat doa para ibu bapa. Pasti saja setiap penuntut semasa dalam pengajian sering berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan di menara gading.

UBD akan sentiasa menyusun strategi universiti bagi kepentingan dan keperluan negara dan semasa. Pengiktirafan UBD di mata dunia seperti kemasukan UBD buat julung kalinya ke dalam dua World University Rankings yang terkemuka iaitu QS dan Times Higher Education dan juga memperkembangkan Kampus UBD di luar negara di Da Nang, Viet Nam. Perkara ini bukanlah mudah tetapi bagi kepentingan negara dan meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran lepasan UBD.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ke-33 UBD "Beta juga difahamkan bahawa UBD telah memulakan inisiatif-inisiatif pelan strategiknya dari 2021 ke 2025 dengan visi National Relevance, Global Impact. Sehubungan

itu, beta mengharapkan supaya UBD lebih memfokus kepada keperluan nasional yang berimpak tinggi, seperti teknologi digital dan kesejahteraan sosial".

Teknologi digital yang pada masa ini menguasai setiap sektor tidak hanya pada Sektor Pendidikan membuatkan cabaran pada para penuntut dan juga para pensyarah. Sebagai contoh, mengadaptasi kaedah pembelajaran secara bersemuka kepada secara dalam talian pastinya sesuatu yang berbeza. Kerana cabaran yang dihadapi seperti kelajuan internet, kesediaan para penuntut untuk bersemuka secara dalam talian pasti berbeza daripada bersemuka secara fizikal.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga "Mengenai sosioekonomi negara, adalah sangat diperlukan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan. Oleh itu, beta gembira, bahawa UBD akan terus memperkembangkan serta menekankan lagi pembelajaran sepanjang hayat, sebagai inisiatif meningkatkan kemahiran dan kecekapan masyarakat, terutama sekali dalam konteks ekonomi global dan teknologi yang

pesat berkembang.


Kestabilan ekonomi digital dan perkembangan teknologi sebagai kelayakan *micro* memainkan peranan penting kerana pada masa ini penyelidikan dan kajian berterusan perlulah dilaksanakan. Kerana kelayakan *micro* ini pastinya menawarkan bentuk pembelajaran yang sangat fleksibel dan inklusif yang membolehkan kemahiran dan kecekapan yang akan menjadikan para lepasan UBD ini kebolehpasaran dan sentiasa berdaya saing.

Sejak gelombang kedua COVID-19, ekonomi digital dan perkembangan teknologi mengalami perubahan yang ketara sebagai contoh, dari aspek perbankan, pembayaran atau apa-apa jua transaksi pada masa ini menggunakan digital. Penggunaan digital perlulah seiring dengan perkembangan teknologi, tanpa teknologi pasti pendigital tidak dapat dilaksanakan sebaiknya.

Oleh itu, diucapkan tahniah kepada semua lepasan UBD dalam Majlis Konvokesyen Ke-33 atas kejayaan yang diperoleh dan sentiasalah kekalkan integriti diri yang berlandaskan ajaran Islam supaya sentiasa mendapat berkat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

TINGKATKAN KESELAMATAN SEMASA MUSIM CUACA PANAS, KERING

PANGGILAN KEBAKARAN HUTAN DAN RUMPUT YANG DITERIMA DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH TAHUN 2022 (01 HINGGA 30 JANUARI)



NOTA: 1 HEKTAR = 1 PADANG BOLA

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Februari. - Negara Brunei Darussalam dijangka akan memasuki separuh kedua Monsun Timur Laut sekitar hujung Januari dan akan berterusan hingga hujung Mac.

Berdasarkan klimatologi negara ini, Februari hingga Mac depan

akan mempunyai bilangan hari-hari yang dituruni hujan dan jumlah turunan hujan yang terendah, berbanding bulan-bulan lain.

Sepanjang tempoh ini, negara lazimnya akan mengalami keadaan cuaca yang panas dan kering, di mana aktiviti turunan hujan juga berkurangan disebabkan keadaan

IMPAK-impak cuaca yang berpotensi berlaku semasa tempoh fasa kedua Monsun Timur Laut adalah keadaan panas di waktu siang, dan ada kalanya suhu udara maksima meningkat di antara 33 ke 35 darjah celsius.

JBP ingin menekankan kepada orang ramai agar mengelakkan daripada melakukan pembakaran terbuka bagi tujuan membersihkan kawasan perumahan atau bertujuan untuk bercucuk tanam dan sebagainya.

atmosfera yang stabil.

Impak-impak cuaca yang berpotensi berlaku semasa tempoh fasa kedua Monsun Timur Laut adalah keadaan panas di waktu siang, dan ada kalanya suhu udara maksima meningkat di antara 33 ke 35 darjah celsius.

Keadaan kering boleh menyebabkan cuaca sedikit berjerebu mengakibatkan kebakaran hutan dan rumput meningkat.

Pada tahun 2021, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) merekodkan sebanyak 216 panggilan kebakaran hutan, yang melibatkan 198.3 hektar dan 245 panggilan kebakaran rumput yang melibatkan 106.21 hektar, di mana bagi Daerah Brunei dan Muara menerima sebanyak 143 panggilan kebakaran hutan dan rumput yang melibatkan 64.05 hektar; Daerah Belait menerima 201 panggilan yang melibatkan 152.81 hektar; Daerah Tutong menerima 113 panggilan yang melibatkan 86.15 hektar; dan Daerah Temburong menerima empat panggilan yang melibatkan 1.5 hektar.

Cabaran anggota bomba dalam menangani kebakaran hutan adalah yang melibatkan hutan tanah gambut, yang mengambil masa lama untuk dipadamkan dan boleh menjejaskan keselamatan juga kesihatan penduduk jika ia melarat dan berlarutan.

Operasi memadam kebakaran

hutan tanah gambut ini juga memerlukan peralatan dan logistik berat yang harus digunakan oleh anggota yang beroperasi.

JBP ingin menekankan kepada orang ramai agar mengelakkan daripada melakukan pembakaran terbuka bagi tujuan membersihkan kawasan perumahan atau bertujuan untuk bercucuk tanam dan sebagainya.

Orang ramai juga adalah disaran untuk membantu memadam kebakaran hutan atau rumput yang kecil tanpa membahayakan diri sendiri.


Bagi penggemar yang suka berburu atau melakukan

aktiviti riadah di dalam hutan, elakkan untuk membuat nyalaan api (unggun api) dan jika perlu pastikan bara-bara api dipadamkan sepenuhnya sebelum meninggalkan tempat berkenaan.

JBP ada menyediakan program-program, seperti Kursus Life Saver 995, Kursus Fire Marshal dan Taklimat Keselamatan Kebakaran, bagi meningkatkan pengetahuan mengenai aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan.

Jika berlaku sebarang insiden hubungi terus Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat tepat.

STATISTIK PECAHAN BULANAN KEBAKARAN HUTAN DAN RUMPUT BAGI TAHUN 2021 (JANUARI-DISEMBER)



Nota : Mengikut klimatologi negara ini, bulan Februari hingga Mac lazimnya negara ini akan mengalami keadaan cuaca yang panas dan kering yang boleh menyebabkan cuaca sedikit berjerebu dan mengakibatkan meningkatnya kebakaran hutan dan rumput.



MINDA PEMBACA

Pendidikan awal penting bagi perkembangan kanak-kanak

PENDIDIKAN awal kanak-kanak merupakan pendidikan peringkat awal usia kanak-kanak bermula sejak mereka dilahirkan hingga ke prasekolah, sebelum dimasukkan dalam sistem persekolahan formal. 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya', semakin ramai ibu bapa atau penjaga kini menyedari akan kepentingan suasana tumbesaran anak yang kondusif. Perkara ini menyebabkan mereka berlumba-lumba menghantar anak ke nurseri atau Tadika bermula pada usia yang muda.

Kepentingan utama pendidikan awal kanak-kanak ialah perkembangan intelektual. Pendidikan awal kanak-kanak akan merangsangkan rasa ingin tahu kanak-kanak. Perkara ini akan

mengajar mereka untuk menggunakan memerhati sesuatu benda atau situasi, bertanya soalan dan mencari jawapan yang biasanya terkandung dalam pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah. Adanya rakan sebaya di Tadika atau prasekolah juga akan menimbulkan minat untuk bersaing sesama sendiri secara sihat untuk menjadi yang terbaik dalam kelompok mereka.

Selain itu, kepentingan pendidikan awal kanak-kanak ialah perkembangan kemahiran sosial. Dalam persekitaran Tadika atau prasekolah, kanak-kanak akan mula mempelajari kemahiran penting seperti mendengar, berkongsi dan sistem bergilir-gilir dengan orang lain. Guru Tadika atau prasekolah akan

menggunakan lagu, permainan, cerita dan banyak lagi untuk mengajar kanak-kanak cara berinteraksi. Hal ini adalah kerana berinteraksi atau hubungan dua hala merupakan komponen penting dalam memperkembangkan kemahiran sosial mereka.

Program pendidikan awal kanak-kanak juga memberi kesan baik pada perkembangan kemahiran motor kasar dan halus kanak-kanak. Diselaraskan dengan kemampuan fizikal mereka, permainan bebas dan terancang yang dibuat di Tadika atau prasekolah seperti membina, melukis, bermain alatan muzik, berlari, menarik, menolak dan melompat akan merangsang serta melatih kemahiran

motor kanak-kanak untuk berfungsi atau digunakan dengan sebaiknya.

Kesimpulannya pendidikan awal kanak-kanak sememangnya semakin diberikan perhatian oleh ibu bapa pada masa ini. Perkara ini adalah bertujuan untuk menyediakan kemahiran asas yang kukuh sebelum anak-anak mereka dimasukkan ke dalam pendidikan secara formal. Penyediaan pendidikan awal kanak-kanak akan memberikan impak positif kepada perkembangan intelektual, perkembangan kemahiran sosial dan perkembangan kemahiran motor atau fizikal kanak-kanak.

Nama : Hazman bin Hamidun
No. K/P : XX-XXX240 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Muafakat Membawa Berkat'. Tarikh Tutup : 2 Februari 2022
2. 'Sentiasa Berbuat Baik Dengan Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 9 Februari 2022
3. 'Pupuk Semangat Patriotisme Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 16 Februari 2022

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENEMUAN BARANG TEGAHAN DALAM KENDERAAN



ANTARA barang tegahan yang ditemukan tersimpan di dalam sebuah kenderaan di kawasan perumahan Kampung Bukit Sibanging, Daerah Brunei dan Muara, baru-baru ini (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Selasa, 1 Februari. - Sebanyak 13 bungkus kotak yang mencurigakan dipercayai barang-barang tegahan ditemukan tersimpan di dalam sebuah kenderaan di kawasan perumahan Kampung Bukit Sibanging, Daerah Brunei dan Muara, baru-baru ini.

Kenderaan tersebut diletakkan di kawasan bahu jalan raya berdekatan kawasan perumahan dan pemeriksaan mengejut telah dijalankan oleh keanggotaan pegawai penyiasat daripada Balai Polis Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Hasil siasatan dan pemeriksaan tersebut mendapati sebanyak 160 botol minuman keras pelbagai jenama, 10 unit dan 130 paket peralatan dipercayai digunakan bagi penggunaan rokok elektronik.

Sehubungan itu, keanggotaan dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) turut dihubungi dan hadir ke tempat kejadian bagi menjalankan pemeriksaan dan seterusnya mengambil alih penyiasatan lanjut.

PPDB ingin menyeru orang ramai bagi menyalurkan dan mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan jenayah melalui Talian 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.





Jika tempahan awda tidak ada kod QR, ini bermakna tempahan awda adalah belum disahkan.



Sampir-sampir bermaksud menyampai pada sesuatu tentang baju, kain, dan sebagainya. Contoh pemakaian kata : ada kain tajung bapamu tu **sampir-sampir** di kursi ah, aga ambil kan kusasah.

Sanani bermaksud di sini atau di tempat ini. Contoh pemakaian kata : **sanani** jua ku mangampai kan kunci karita atu, mana tia?

Sanuju bermaksud setuju atau sependapat. Contoh pemakaian kata : mun samua udah **sanuju**, taruskan tia rundingan kitani ani.

basanyaman bermaksud semuanya senyap, diam, dan tidak bersuara. Contoh pemakaian kata : **basanyaman** kanak-kanak atu bagas kana marahi ulih cigunya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kampung Putat



Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Agar-Agar Koktel

BAHAN-BAHANNYA :
 1 bungkus agar-agar bertali
 900 ml air
 1 tin koktel buah-buahan
 1 tin susu cair
 1 1/2 cawan gula pasir

1 helai daun pandan
CARA MEMBUATNYA :
 Basuh agar-agar dan rebus bersama air sehingga larut. Kemudian masukkan gula pasir,

daun pandan dan koktel buah-buahan beserta airnya sekali. Masukkan susu cair dan masak di atas api yang perlahan selama 2 - 3 minit. Tuang ke dalam bekas / acuan dan sejukkan.

DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN PB

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Bersempena memperingati Ulang Tahun Ke-10 penubuhannya, Politeknik Brunei

(PB) mengadakan Majlis Bacaan Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran, yang berlangsung secara maya melalui platform

Zoom dan YouTube, di Musholla Kampus Utama PB.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah PB, Dayang Hajah Hanifah binti Haji Apong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Ratib Al-Attas yang dipimpin oleh Awangku Haji Jamaludin bin Pengiran Haji Zainal dan Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar PB. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Mohd Alisanusi bin Haji Salim.


Turut hadir pada majlis ini ialah ketua-ketua bahagian, sekolah dan pusat, pegawai-pegawai, tenaga-tenaga pengajar, kakitangan, pelajar-pelajar dan orang awam yang telah mengakses link dalam talian yang disediakan.

Majlis ini adalah bagi memperingati Penubuhan PB yang mencapai Tahun Ke-10 sebagai salah satu institusi pengajian tinggi

yang telah menghasilkan graduan yang bersedia untuk menabur bakti dan tenaga kepada negara sesuai dengan visi institusi tersebut, iaitu 'Menghasilkan graduan yang berinovatif dan siap sedia untuk masa hadapan' melalui misinya untuk 'Menawarkan pendidikan dan latihan yang berkualiti didorong oleh keperluan industri'.

PB sehingga kini berjaya menerima sebanyak 11 pengambilan pelajar bagi mengikuti program-program Diploma Tahap 5 yang ditawarkan oleh lima buah sekolah di PB, iaitu Sekolah Perdagangan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Sekolah Sains Kesihatan dan Sekolah Petrokimia.

Sehingga Januari 2021, PB berjaya menghasilkan seramai 3,372 graduan. Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai PB, sila layari laman sesawang rasminya, di <http://www.pb.edu.bn>.



POLITEKNIK Brunei (PB) mengadakan Majlis Bacaan Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran, yang berlangsung secara maya melalui platform Zoom dan YouTube, di Musholla Kampus Utama PB (atas dan bawah).



Laksanakan tanggungjawab sosial masing-masing bagi melindungi Negara Brunei Darussalam dari penularan jangkitan wabak COVID-19.

#bersamamelindungi



ALAI PINTAR 071

SOALAN 2 FEBRUARI 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Bilakah Sultan Saiful Rijal menaiki takhta?
 - 1531
 - 1533
 - 1530
- Semasa lagu kebangsaan dinyanyikan, kita hendaklah _____.
 - Berdiri tegak
 - Makan
 - Ketawa
- Nilai tempat bagi digit 6 dalam nombor 16 232 ialah?
 - Ribu
 - Ratus
 - Puluh

TARIKH TUTUP : 13 FEBRUARI 2022

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

PEMENANG ALAI PINTAR 070 :

Nama : Nurul Aisyah Binti Haji Ariffin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 018582-13. Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Kg Bukit Beruang II

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 070

- a) Susu
- c) 3
- c) Wajib, Mustahil, Harus



Warisan

Peliharalah khazanah warisan permainan Pasang

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

PERMAINAN tradisi Brunei yang pernah menjadi permainan kanak-kanak zaman dahulu, seperti permainan Pasang tidak dinafikan mengalami cabaran pada zaman teknologi pada hari ini. Pelbagai ciptaan permainan video, aplikasi menggunakan komputer, telefon pintar dan tablet membuatkan permainan tradisional ini jarang lagi dimainkan dan semakin kian dilupakan. Apatah lagi permainan melalui peralatan canggih ini boleh dimainkan secara perseorangan atau dengan rakan maya.

Permainan tradisional yang pernah dimainkan untuk mengisi masa lapang dan juga sebagai hiburan dan keseronokan bermain bersama keluarga dan kawan-kawan ini, merupakan lambang kebudayaan sesebuah masyarakat kerana melaluinya ia boleh membuat satu ikatan mesra dan interaksi sosial di dalam masyarakat. Justeru, menjadi satu warisan dan khazanah yang patut dipelihara agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Permainan Pasang bermula dari kalangan istana dan akhirnya permainan ini melarat kepada rakyat jelata. Pada zaman dahulu permainan ini digemari oleh kaum perempuan. Kebiasaannya permainan ini diadakan dalam majlis keramaian seperti malam berjaga-jaga, berpindah rumah,

menerima gelaran dan lain-lain lagi.

Alhamdulillah, pelbagai usaha telah dibuat pelbagai pihak agar permainan ini dapat dikekalkan kepada generasi hari ini, dan yang lebih penting ia tidak pupus ditelan zaman. Usaha tersebut adalah bagi memberikan pendedahan pada warisan Brunei kepada generasi sekarang dalam usaha untuk menanamkan rasa cinta dalam kalangan mereka terhadap warisan budaya Negara Brunei Darussalam (NBD). Antara usaha yang dibuat ialah Pertandingan Permainan Tradisi Pasang bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab, pameran berkaitan dengan permainan-permainan tradisi dari semasa ke semasa, malah pernah juga disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah semasa lawatan baginda ke Kampong Ayer sempena Keberangkatan Negara baginda ke NBD. Malah semasa negara dilanda pandemik COVID-19, Jabatan Muzium-Muzium telah membuat inisiatif dengan mengadakan satu bengkel bagi mempelajari teknik-teknik Kenali Permainan Tradisi sempena Brunei December Festival 2021.

Suatu perkara yang menarik dalam permainan Pasang ini ialah daya cipta pemain yang dapat membentuk atau

melahirkan lebih daripada 30 bentuk atau corak bunga.

Di antara corak bunga tersebut ialah susunan talapak sepapan, susunan talapak berantai, susunan peria, susunan peria buruk sepaggal dan susunan peria buruk hati.

Cara bermain

Untuk memulakan permainan Pasang terlebih dahulu diadakan cabutan undi. Pemain yang memulakan permainan hendaklah mengambil lima butir buah hitam dan putih pada garisan membujur di kawasan masing-masing. Jika pemain (A) mengambil buah di sebelah kanan, maka pihak pemain (B) pula akan mengambil buah di sebelah kiri. Pemain-pemain tidak boleh mengambil buah dari kawasan yang berhadapan kerana kawasan akan menjadi terbuka dan rentak permainan akan menjadi sama. Ini akan membantutkan permainan dan memberikan peluang kepada pihak lawan dengan mudah menyusupkan Kas memasuki kawasan dan memudahkan permainan menjadi suntuk atau mati. Pengambilan lima butir ini nanti akan menentukan pengambilan buah Kas.

Buah Kas yang dianggap sebagai raja atau penggerak kepada pemain ini boleh berjalan dengan bebas, sama ada menyusur garisan bujur atau lintang. Jika buah Kas ini hendak memakan buah, buah itu mestilah mempunyai bilangan ganjil iaitu satu, tiga, lima, tujuh atau sembilan. Pemain yang memperoleh banyak buah Pasang adalah

dianggap pemenang.

Cara bermain Pasang ialah ianya boleh dilakukan oleh dua pemain. Para pemain hendaklah menyediakan papan Pasang yang berbentuk empat persegi dan mempunyai bingkai di tepinya, ada dua alatan utama dalam permainan Pasang.

Permukaan papan yang bergaris melurus dan melintang dengan jarak yang sama. Kedua, buah Pasang sebanyak 120 biji, 60 berwarna putih dan 60 berwarna hitam.

Manakala, satu lagi cara untuk memenangi permainan ini adalah dengan kiraan jumlah buah Pasang terbanyak yang diperolehi salah seorang pemain.

Pemain yang mempunyai kepakaran akan mengatur strategi untuk menewaskan pihak lawan hingga seterusnya itu tidak dapat meneruskan permainan dan dikira kalah atau suntuk.

Kesimpulan

Permainan tradisional dapat melatih anak dalam bersosial, ketangkasan dan *motorik* anak. Jadi, meskipun zaman telah berubah, adalah lebih baik jika anak-anak sekarang diperkenalkan kembali dengan permainan tradisional kerana pada intinya baik permainan moden mahupun tradisional sama-sama menyenangkan dan memiliki manfaat. Aktiviti berkaitan dengan permainan tradisional juga tidak kurang mampu menarik orang ramai dalam mengenali warisan negara *kitani*.





UNISSA pusat ilmu Islam, lahirkan graduan berwibawa

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

KEHADIRAN Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai universiti kedua di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan universiti Islam yang pertama setentunya mencatat satu sejarah dan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam, juga sudah tentu menyemarakkan lagi kecemerlangan pendidikan Islam, khususnya peringkat pengajian tinggi di NBD.

Universiti tersebut ditubuhkan pada 1 Januari 2007 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Titah Perutusan Awal Tahun Masihi 2007 dengan harapan yang murni, iaitu untuk menjadikan UNISSA sebagai sebuah pusat ilmu Islam tulen, yang melahirkan para ulama dan cendekiawan berwibawa juga mampu memenuhi aspirasi negara.

Ke arah itu, UNISSA menetapkan visinya menjadi hub pengajian tinggi Islam di Asia bertujuan untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah. Dengan misinya melahirkan pemimpin bertakwa dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Untuk mencapai hala tuju UNISSA yang seimbang dengan keperluan negara dan sebagai sebuah universiti Islam, sudah tentu banyak ujian dan cabaran yang dihadapi UNISSA hingga ke hari ini. Alhamdulillah dengan limpah taufik dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, UNISSA masih mampu berdiri dan melaksanakan amanahnya sebagaimana yang dihasratkan.

Pencapaian UNISSA

Sungguhpun beberapa kemajuan telah berjaya dicapai namun UNISSA tidak pernah berhenti dan berpuas hati dengan pencapaiannya setakat ini, bahkan UNISSA menyedari, masih banyak perkara yang perlu diambil perhatian dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam usaha UNISSA 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah' bersama-sama dengan institusi pengajian tinggi pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Bermula dengan kemasukan pelajar seramai 107 orang pada tahun pertama penubuhannya, kini Alumni pelajar UNISSA sejak tahun 2011 hingga tahun 2020 telah menjangkau seramai 1,847 pelajar dalam pelbagai peringkat program pengajian sama ada ijazah sarjana muda mahupun peringkat ijazah pasca sarjana yang menyaksikan purata peningkatan kemasukan pelajar baharu setiap tahun. Peningkatan ini dijangka berterusan pada tahun-tahun akan

datang dengan pengembangan program akademik yang lebih dinamik, relevan dan fleksibel yang akan ditawarkan UNISSA pada masa akan datang dan perkembangan ini dipacu lagi atas kesedaran yang tinggi dari kalangan para belia dewasa ini untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

InsyaaAllah, UNISSA juga akan terus memperlihatkan kemampuannya di dalam melakukannya. Ini kerana kekuatan UNISSA terserlah dari segi teras pengajian dan penggunaan bahasa pengantar yang digunakan dalam pengajian di mana UNISSA merupakan satu-satunya universiti awam di NBD yang menerapkan sepenuhnya penggunaan bahasa Arab dan Inggeris dalam program-program pengajian yang ditawarkan, menjadikannya berpotensi menjadi hub pengajian tinggi Islam serantau.

Sebagaimana kemajuan yang diraih dalam aspek akademik, UNISSA juga sangat komited untuk mengembangkan fakulti dan pusat kecemerlangan akademiknya sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa. Bermula hanya dengan empat buah fakulti dan tiga buah pusat pada tahun 2007, kini UNISSA mempunyai tujuh buah fakulti iaitu Fakulti Usuluddin (FU), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Bahasa Arab (FBA), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Fakulti Teknologi Islam (FTI) dan Fakulti Pertanian (FP).

Fakulti Teknologi Islam menawarkan program berasaskan teknologi di mana pelajar bersedia untuk berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang Islam, Media, Komunikasi dan Teknologi ke arah kemajuan dalam Sains, Teknologi dan Inovasi. Pelajar kemudiannya boleh menggunakannya untuk menyalurkan maklumat dan ilmu agama Islam secara kreatif, serta mengurus hal ehwal Islam dalam menghadapi era teknologi semasa. Usaha ini juga diharapkan dapat melahirkan graduan yang berdaya saing tinggi dan cendekiawan Islam yang akan memartabatkan dan mengembalikan zaman kegemilangan Islam pada abad Ke-17 dan Ke-18.

Penubuhan Fakulti Pertanian (FP) pula adalah aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual pada 12 Oktober 2020, merupakan salah satu detik bersejarah perkembangan UNISSA. Sebagaimana yang dimaklumi, sektor pertanian adalah sektor utama yang penting dalam pembangunan ekonomi dan negara, kerana pertanian itu sendiri adalah bersangkut paut dengan kehidupan manusia dan keberlangsungannya. Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang berkaitan dengan pertanian.

Fakulti Pertanian dihasratkan akan melahirkan graduan yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang pertanian berlandaskan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Melahirkan graduan pertanian yang berfikir kritis dan inovatif dalam mengaplikasikan ilmu pertanian untuk membangunkan ummah, industri dan negara. Melatih dan melahirkan graduan pertanian yang berwibawa yang boleh menyalurkan ilmu secara berkesan kepada masyarakat.

Manakala itu pula, dalam usahanya memberikan sumbangan signifikan terhadap kemantapan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, UNISSA menawarkan pelbagai peringkat program pengajian dalam bidang undang-undang dan antara program yang mendapat sambutan yang menggalakkan ialah Program Dwi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah (LL.B dan BSL) yang mengambil masa pengajian selama lima tahun.

Dengan kapasiti yang terhad dan tawaran permohonan kemasukan yang menggalakkan, UNISSA telah diberikan peluang dengan penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai Kampus UNISSA yang menempatkan Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban berserta beberapa perkhidmatan sokongan seperti Perpustakaan, Pusat Teknologi dan Multimedia, Hal Ehwal Pelajar dan Estet. UNISSA melihat potensi dan kesesuaian Pusat Latihan Pertanian Sinaut ini untuk dijadikan sebagai kampus pengajian atau cabang daripada UNISSA yang dijangka dapat membantu UNISSA untuk bergerak lebih maju serta proaktif menjayakan program-program akademik, mengadakan penyelidikan mahupun usaha-usaha penyebaran pengetahuan, terutamanya dalam bidang pertanian dan sains halal.

Ke arah itu juga, UNISSA terus beriltizam untuk meningkatkan kualiti akademiknya dan bersedia menawarkan program-program akademik merentasi disiplin dalam usaha membantu kerajaan melahirkan 'Generasi Beragama dan Progresif' dengan menyediakan program-program akademik yang lebih fleksibel, dinamik dan *marketable*, berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara.

UNISSA juga telah berjaya mencapai kecemerlangan dalam sistem penilaian University Performance Metrics (UPM) yang diterajui oleh Vietnam National University dengan kerjasama ASEAN University Network (AUN).

Setelah mendapat pengiktirafan sebagai institusi bertaraf empat bintang *plus*, pada September lalu, UNISSA telah memperoleh pengiktirafan lagi bagi dua buah program prasiswazah, iaitu Program Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam dan Program

Dwi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah.

Program Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam berjaya diiktiraf sebagai program bertaraf lima bintang dan menduduki kedudukan teratas dalam kategori program gunaan dengan memperoleh 752.5 mata. Manakala, Program Sarjana Undang-undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah telah mendapat pengiktirafan empat bintang dan menduduki tempat Ke-7 dengan memperoleh 604 mata.

Melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah menerbitkan buku-buku ilmiah tidak kurang 25 buah buku setahun. Pada tahun 2021, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan berjaya menerbitkan sebanyak 33 buah buku terbitan terbaharunya.

Pada tahun ini, UNISSA sekali lagi melahirkan para graduannya yang setentunya mempunyai potensi di dalam sama-sama membangunkan Syiar Islam di NBD dan ini merupakan Hafal Al-Takharuj Ke-11 bagi universiti ini di mana penganugerahan ijazah-ijazah dan diploma kepada para graduan ini dianugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga selaku Canselor UNISSA.

Alhamdulillah pada tahun ini juga seramai 354 graduan menerima ijazah-ijazah dan diploma mereka dan ini juga merupakan peningkatan jumlah berbanding jumlah pada tahun-tahun sebelumnya. Dan 33 daripadanya adalah pelajar antarabangsa iaitu dari Singapura, Thailand, Malaysia, Indonesia, Tanzania, Morocco, Burkina Faso, Yemen dan Sri Lanka. Manakala jumlah pecahan pula seperti berikut, iaitu seramai 234 graduan prasiswazah menerima ijazah Sarjana Muda / Bachelor Degree dalam pelbagai bidang. 84 graduan siswazah iaitu lapan daripadanya menerima ijazah Doktor Falsafah, 62 menerima ijazah Sarjana / Master, 11 menerima ijazah Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie dan tiga menerima Ijazah Diploma Siswazah. Manakala graduan daripada Program Diploma Kebangsaan Tertinggi (HND) seramai 26 penerima, sementara 10 graduan menerima Ijazah Khas Hafaz Al-Quran 30 juzuk.

Konvokesyen pada tahun ini juga turut menerapkan garis panduan pengawalan jangkitan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, di mana para graduan serta jemputan dikehendaki melengkapkan dua dos vaksinasi COVID-19 serta mendaftar masuk menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas kod QR, pemeriksaan suhu badan serta menjalani Antigen Rapid Test (ART) sebelum memasuki Dewan Plenary.

15 MUALAF TERIMA SIJIL SKIM BIMBINGAN LANJUTAN II

BELAIT, Isnin, 31 Januari. - Seramai 15 orang mualaf yang menetap di Daerah Belait menerima Sijil Skim Bimbingan Lanjutan II selama 14 hari pada Majlis Penutup Skim Bimbingan Lanjutan II selama 14 hari bagi mualaf perempuan Siri Ke-36.

Majlis dikendalikan oleh Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait di Dewan Serbaguna Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, petang tadi.

Skim Bimbingan Lanjutan II tersebut merupakan projek tahunan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan berlangsung serentak di keempat-empat daerah.

Skim tersebut bermula pada

18 Januari 2022 yang lalu dan berakhir pada 31 Januari 2022.

Bagi memeriahkan lagi hari terakhir skim bimbingan tersebut, Peraduan Kuiz Ugama diadakan bagi para peserta skim pada sebelah pagi.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan ucapan alu-aluan bagi majlis penutup tersebut, Ketua Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Arif Fakhru bin A Ramlee.

"Apa yang diharapkan, para peserta sudah pun menggunakan waktu sesi Kursus Bimbingan Lanjutan II yang diikuti ini sebaik mungkin dengan sentiasa membetulkan niat hanya kerana

Allah Subhanahu Wata'ala dan bukan kerana ganjaran dunia semata-mata, kerana ganjaran dunia bersifat sementara, manakala ganjaran akhirat kekal untuk diperhitungkan amal kita semua kelak," ujar Arif Fakhru bin A Ramlee ketika menyampaikan ucapan.

Majlis disemarakkan lagi dengan persembahan Nasyid Sayyidul Istighfar dan Doa Taubat daripada para peserta skim.

Atur cara majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil kepada para peserta kursus yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya kepada tiga orang pelajar terbaik, iaitu Dayang Iman Shahatiqah binti

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait

Abdullah Munan; Dayang Nur Azlina Azureen binti Abdullah Satu; dan Dayang Erna Farhana binti Abdullah Munan.

Turut hadir, Ketua Unit Da'wah Daerah Belait dan para pegawai serta kakitangan Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait.



KETUA Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Arif Fakhru bin A Ramlee bergambar ramai bersama para peserta Sijil Skim Bimbingan Lanjutan II yang menetap di Daerah Belait.

Penggunaan pengantaraan sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian pilihan

DAMAI Mediation dengan kerjasama Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC), disokong oleh LZ Hussain & Co. Advocates and Solicitors; Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA); dan Persatuan Pelajar Undang-undang Asia (ALSA) menganjurkan Mediation Webinar bertajuk 'Let's talk about Mediation', baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Damai Mediation dengan kerjasama Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC), disokong oleh LZ Hussain & Co. Advocates and

Siaran Akhbar dan Infografik : Damai Mediation

Solicitors; Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA); dan Persatuan Pelajar Undang-undang Asia (ALSA), baru-baru ini, menganjurkan Mediation Webinar, bertajuk 'Let's talk about Mediation', baru-baru ini.

Dalam sesi Webinar tersebut, Mediator Bertauliah Damai Mediation, Owen Hearty dan Carly Stewart memberikan gambaran keseluruhan tentang faedah juga proses pengantaraan.

Pihak Damai Mediation melihat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat melalui bilangan pendaftaran yang tinggi untuk Webinar berkenaan dan merancang untuk mengadakan lebih banyak Webinar pada masa hadapan.

Webinar juga diharapkan meningkatkan kesedaran tentang faedah pengantaraan dan dalam menggalakkan penggunaan pengantaraan yang meluas sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian pilihan.

Damai Mediation merupakan Pengamal Penyelesaian Pertikaian Alternatif pertama berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan Pengetua juga Pengasasnya ialah Lailatul Zubaidah binti Hussain.

Damai Mediation boleh dihubungi melalui e-mel ke admin@damaimediation.com atau menerusi talian, +673 8230168.

Pokok tumbang menghalang sebahagian jalan



POKOK tumbang di kawasan berdekatan Kampung Batong yang menutupi sebahagian jalan raya.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Januari. - Seramai empat anggota bomba dengan sebuah jentera dari Balai Bomba Pengkalan Batu yang diketuai oleh ASO Md. Jani bin Haji Safar dikerahkan ke insiden panggilan pokok tumbang di kawasan berdekatan Kampung Batong, pada jam 2.59 petang, kelmarin.

Tiba di lokasi kejadian, didapati seponon pokok jati tumbang dan menutupi sebahagian jalan raya.

Panjang pokok tersebut lebih kurang 12 meter dan garis pusat lebih kurang 18 sentimeter.

Tidak ada kecederaan dan kemalangan jiwa berlaku semasa kejadian.

Oleh itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai agar mengelakkan menanam pokok terlalu dekat dengan rumah dan menjarakkan penanaman pokok-pokok tersebut.

Pokok merupakan elemen yang penting bagi manusia dan haiwan, akan tetapi ia juga boleh mendatangkan kemudaratan dan risiko kepada sekeliling, seperti pokok tumbang boleh menimpa rumah semasa cuaca tidak menentu, selain pokok-pokok yang ditanam mestilah sentiasa dijaga dan diawasi serta dipotong (*trimming*) sebelum keadaan tidak terkawal.

JBP ada menyediakan pelbagai program keselamatan, seperti kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat keselamatan kebakaran bagi mengetahui pelbagai aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dengan memberikan maklumat tepat.



ANGGOTA bomba ketika memotong pokok yang tumbang tersebut.

CHINA SUMBANG BARANGAN BANTUAN 500 TAN KE AFGHANISTAN



BEIJING, 1 Feb. - Kereta api dengan muatan barangan bantuan bertolak dari Xinjiang, China menuju ke Afghanistan, pada Ahad.

Duta Besar China ke Afghanistan, Wang Yu menerusi akaun media sosialnya berkata, barangan bantuan seberat 500 tan tersebut terdiri daripada gandum,

gula, minyak masak, dan alat pemprosesan kentang.

"Barangan bantuan yang lain pula akan dibawa menggunakan kereta api ke Afghanistan pada

bulan depan dan China sedaya upaya menyalurkan bantuan kepada rakyat Afghanistan,"

tambahnya.

Kerajaan sementara Afghanistan telah mengagihkan bantuan makanan seberat 600 tan yang disumbangkan China ke beberapa wilayah termasuk Kabul, Kandahar, Helmand, Gur and Farah pada 29 Januari. - ©BERNAMA

Blinken, Abbas bincang hubungan dua hala, perkembangan terkini di Palestin

RAMALLAH, 1 Feb. - Presiden Palestin Mahmoud Abbas dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Antony Blinken pada Isnin membincangkan hubungan dua hala dan perkembangan terkini di Palestin dalam satu perbualan telefon.

Abbas mengulangi kepada Blinken bahawa keadaan semasa tidak boleh berterusan, lapor Agensi Anadolu memetik agensi berita rasmi Palestin WAFA.

Israel sepatutnya menghentikan aktiviti pencerobohan untuk penempatan dan serangan oleh

penduduk Yahudi serta pengusiran rakyat Palestin dari kawasan kejiranan Baitulmaqdis, katanya.

Abbas juga menekankan keperluan untuk menghentikan amalan satu hala Israel yang menjejaskan penyelesaian dua negara serta melaksanakan perjanjian yang ditandatangani antara kedua-dua pihak.

Beliau menegaskan kepentingan untuk terus berusaha mengukuhkan hubungan dengan AS dan menangani kekangan yang menghalang hubungan itu.

Sementara itu, Blinken

menegaskan semula akan komitmen AS terhadap penyelesaian dua negara.

Beliau menyatakan pentadbiran Biden menyedari kesukaran politik dan ekonomi yang sedang dilalui Pihak Berkuasa Palestin dan menekankan penolakannya terhadap pencerobohan, serangan dan pencerobohan penempatan ke kawasan Pihak Berkuasa Palestin.

Beliau menambah bahawa pentadbiran Biden komited untuk membuka semula Konsulat AS di Baitulmaqdis Timur. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Istanbul paling sibuk di Eropah

MOSCOW, 31 Jan. - Lapangan Terbang Istanbul dinamakan lapangan terbang paling sibuk di Eropah pada 2021 dengan hampir 37 juta penumpang, menurut laporan tahunan Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI) Eropah, lapor Sputnik.

Meskipun trafik penumpang merentasi rangkaian lapangan terbang Eropah meningkat sebanyak 37 peratus pada 2021 berbanding 2020, ia masih kekal 59

peratus di bawah paras pra-pandemik 2019, kata laporan itu.

Daripada lima senarai teratas secara keseluruhan, Lapangan Terbang Istanbul merupakan lapangan terbang tersibuk di Eropah pada 2021 dengan 36,988,563 penumpang, diikuti oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Sheremetyevo di Moscow dengan 30,943,456 penumpang, Lapangan Terbang

Charles de Gaulle di Paris dengan 26,201,698 penumpang, Lapangan Terbang Amsterdam Schipholport dan Lapangan Terbang Moscow Doirmoded.

Lapangan Terbang Istanbul juga tersenarai di tempat pertama untuk jumlah penumpang paling banyak di antara lapangan terbang Eropah pada 2020, iaitu melebihi 20 juta penumpang walaupun terdapat sekatan perjalanan akibat pandemik. - ©BERNAMA

Malaysia lebih bersedia hadapi lonjakan kes Omicron

KUALA LUMPUR, 1 Feb. - Malaysia dilihat lebih bersedia untuk menangani lonjakan kes COVID-19 varian Omicron selain berpengalaman dalam melindungi golongan rentan, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Dalam tweetnya hari ini, Khairy berkata keadaan tidak sama seperti Jun hingga September tahun lepas kerana kini, negara lebih bersedia susulan pelaksanaan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Lebih sebulan lepas, saya berkata bahawa kita menjangkakan Omicron akan menjadi dominan di sini seperti yang berlaku di tempat-tempat lain

dan apabila ia berlaku, kes akan meningkat. Itulah, sebabnya kita mempercepatkan program pemberian suntikan dos penggalak.

"Kini, kita dapat melihat ramalan peningkatan cepat kes. Bagaimanapun, tidak perlu panik. Terdapat petunjuk kukuh untuk penyanggahan antara kesan yang teruk dengan jumlah kes," katanya.

Beliau berkata program vaksinasi untuk orang dewasa, remaja dan tidak lama lagi untuk kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun berjalan lancar dengan penggunaan hospital masih terkawal.

"Sebab itulah, kita boleh

memendekkan tempoh kuarantin, membenarkan orang ramai mengawal diri dan mengawal gangguan pada tahap minimum," tambahnya.

Khairy berkata dengan lebih 50 peratus individu dewasa dan hampir 70 peratus warga emas telah menerima dos penggalak COVID-19 masing-masing, beliau berharap semua pihak dapat mengharungi gelombang Omicron melalui pendekatan teliti yang ditentukan dan berkadaran.

"Ikut SOP (prosedur operasi standard). #TRIIS. Dapatkan dos penggalak. Pastikan anak-anak anda divaksin. Kita boleh melakukan ini," katanya. - ©BERNAMA

Myanmar lanjutkan darurat enam bulan lagi

YANGON, 1 Feb. - Majlis Pertahanan dan Keselamatan Myanmar pada Isnin mengumumkan lanjutan darurat selama enam bulan lagi, lapor Agensi Berita Xinhua.

Pelanjutan itu dibuat untuk persiapan yang diperlukan bagi pilihan raya umum pelbagai parti, kata pengumuman itu.

Kali pertama darurat diisytiharkan adalah pada Feb 2021, selepas tentera menahan bekas pemimpin kerajaan, termasuk kaunselor negara dan presiden. - ©BERNAMA

Parti pemerintah sosialis menang pilihan raya Parlimen Portugal

LISBON, 31 Jan. - Parti Sosialis Portugal yang memerintah di bawah pimpinan Perdana Menteri Antonio Costa memenangi pilihan raya Parlimen, memperoleh 42.1 peratus daripada 92.6 peratus undi yang dikira, menurut keputusan awal, lapor Xinhua.

Penentangannya, Parti Demokrat Sosial (PSD) menduduki tempat kedua.

"Ia adalah kempen pilihan raya yang hebat, peluang yang unik untuk semua orang, daripada yang paling muda hingga yang paling tua," kata Presiden Portugal Marcelo Rebelo de Sousa.

Kebuntuan Belanjawan Negeri 2022 oleh kerajaan semasa pada Oktober lalu telah mencetuskan pembubaran Parlimen dan pilihan raya awal. - ©BERNAMA

Hujan lebat korbankan sekurang-kurangnya 18 orang di Sao Paulo, Brazil

SAO PAULO, 30 Jan. - Banjir dan tanah runtuh kerana hujan lebat menyebabkan sekurang-kurangnya 18 orang maut di negeri Sao Paulo, Brazil, kata Gabenor Joao Doria pada Ahad.

"Saya sangat berdukacita melihat kerosakan yang terjadi akibat hujan lebat. Kami sedang berusaha untuk menyelamatkan dan saya telah meluluskan peruntukan sumber untuk membantu mereka yang terjejas," kata Doria di media sosial, lapor Xinhua.

Antara mangsa yang maut akibat ribut pada Ahad ialah 11 orang dewasa dan tujuh kanak-kanak, manakala kira-kira 500 keluarga terpaksa berpindah dari rumah mereka, menurut jabatan bomba tempatan.

Kematian dicatatkan di kawasan majlis perbandaran Francisco Morato, Franco da Rocha, Varzea Paulista, Aruja, dan Embu das Artes, semuanya di kawasan metropolitan Sao Paulo dan di bandar Ribeirao Preto.

Di Varzea Paulista, sepasang suami isteri dan tiga anak mereka meninggal dunia, termasuk seorang bayi berusia setahun, apabila lereng bukit lokasi rumah mereka runtuh pada pagi Ahad.

Selain itu, bandar Franco da Rocha dinaiki air apabila Sungai Juquery dan aliran Ribeirao Eusebio melimpah, manakala di Bauru, hujan menyebabkan lubang di tengah jalan raya akibat mendapan tanah. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



LIMA LAGI PEMAIN DIPANGGIL KE KEM LATIHAN SKUAD B-23 NEGARA

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Lima pemain baharu dipanggil menyertai kem latihan pusat skuad Bawah 23 Tahun (B-23) kebangsaan sebagai persiapan menghadapi Kejohanan B-23 Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) 2022 di Phnom Penh, Kemboja pada 14 hingga 26 Feb ini.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menerusi kenyataan di Facebook hari ini memaklumkan tiga daripadanya merupakan pemain dalam senarai simpanan iaitu Muhammad Firdaus Kaironnism dan Muhammad Najmuddin Akmal Kamal Akmal dari Johor Darul Ta'zim (JDT) III, dan K. Thivandaran dari Penang FC.

Dua lagi pemain yang turut tersenarai ke kem latihan itu adalah A.Selvan dan N.Javabilarivin dari Negeri Sembilan FC.

Menurut FAM, Muhammad Firdaus, Muhammad Najmudin dan Thivandaran telah memulakan latihan bersama skuad B-23 kebangsaan pada 27 dan 28 Jan lepas, manakala Selvan serta Javabilarivin menyertai pasukan bermula hari ini.

Skuad B-23 kebangsaan dijadual berlepas ke Phnom Penh pada 12 Feb dan akan menentang Myanmar dalam aksi pembukaan Kumpulan B di Stadium Prince pada 15 Feb, sebelum berdepan dengan Laos pada 18 Feb di venue sama dan bertemu Indonesia dalam aksi terakhir kumpulan di Stadium Nasional Morodok Techo pada 21 Feb.

Tiga juara kumpulan dan pasukan naib juara kumpulan terbaik akan mara ke peringkat separuh akhir pada 24 Feb manakala perlawanan akhir dijadual berlangsung pada 26 Feb. - ©BERNAMA

Wushu : Hanya ujian di Malaysia sebelum Sukan SEA Hanoi

KUALA LUMPUR, 31 Jan. - Kem wushu negara berkemungkinan besar terpaksa melupakan hasrat beraksi dalam mana-mana kejohanan termasuk di peringkat antarabangsa, sebelum menggalas tugas negara dalam Sukan SEA di Hanoi, Vietnam, Mei ini.

Sebaliknya, jurulatih negara Lim Yew Fai berkata atlet kebangsaan akan menjadikan ujian di sini, sebagai platform untuk mempersiapkan diri dalam temasya sukan dwitahunan yang bakal berlangsung pada 12 hingga 23 Mei itu nanti.

"Sehingga kini sebelum Sukan SEA tiada kejohanan lagi... kita akan lakukan ujian lagi sebelum Sukan SEA termasuk mengenakan pakaian dan solekan seperti dalam pertandingan sebenar.

"Pihak persatuan juga akan jemput pengadil antarabangsa dari Malaysia, untuk memberi markah dalam ujian dijalankan," katanya dalam satu video dikongsi Majlis Sukan Negara (MSN) kepada media, hari ini.

Yew Fai berkata pihaknya juga telah melakukan ujian pertama minggu lepas selepas dua tahun sepi tanpa aksi susulan pandemik COVID-19, sambil menyatakan perasaan gembira melihat anak-anak buahnya dapat kembali 'melepaskan geram' di atas gelanggang.

Beliau pada masa sama mengingatkan atletnya agar berwaspada dengan kelibat atlet Vietnam, Indonesia serta Singapura, yang mampu menggugat cabaran Malaysia untuk meraih pingat di Hanoi nanti.

Selain Sukan SEA, beliau juga sedang mempersiapkan pasukan untuk mengharungi saingan Sukan Asia di Hangzhou, China pada Sept ini serta kejohanan dunia di Tokyo, Jepun, dijadual berlangsung Nov ini, selepas penganjurannya ditunda dari tahun lepas akibat COVID-19.

Edisi lepas Sukan SEA pada 2019 di Manila, Filipina menyaksikan Malaysia merangkul empat pingat iaitu dua emas, satu perak dan satu gangsa.

Mengenai sambutan perayaan Tahun Baharu Cina kali ini, Yew Fai menyatakan rasa terujanya apabila dapat menyambut bersama ahli keluarga selepas terpaksa meraikannya berseorangan gara-gara situasi pandemik tahun lepas. - ©BERNAMA

Sukan SEA : Jackie Wong enggan kecewa lagi

KUALA LUMPUR, 1 Feb. - Kegagalan mempertahankan pingat emas pada Sukan SEA 2019 di Manila, Filipina masih menghantui jaguh lontar tukul besi negara, Jackie Wong Siew Cheer.

Walaupun sudah lebih dua tahun berlalu, Jackie yang kecewa dengan keputusan ketika itu, kini tekad untuk melakukan yang terbaik bagi merampas kembali emas di Sukan SEA Hanoi, Vietnam pada 12 hingga 23 Mei ini.

"Semestinya saya memang kecewa namun, saya harap dapat ambil balik emas," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Jackie, 29, yang merangkul emas pada Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur terpaksa berpuas hati dengan pingat perak di Filipina sekali gus menyaksikan atlet Thailand, Kittipong Boonmawan muncul juara acara itu.

Selain Sukan SEA, pemegang rekod kebangsaan dengan catatan 67.01 meter (m) yang dilakukan semasa Kejohanan Olahraga Asia 2019 di Qatar juga berharap dapat melayakkan diri ke Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China pada 10 hingga 25 Sept depan.

Atlet dari Sarawak itu membuat penampilan sulung di Sukan Asia pada edisi 2018 di Indonesia yang menyaksikannya menamatkan cabaran di tangga ketujuh keseluruhan.

Selain itu, Jackie mengakui situasi pandemik COVID-19 yang belum reda sedikit sebanyak menjejaskan prestasinya susulan tiada aksi antarabangsa disertai selepas kali terakhir beraksi di Sukan SEA 2019.

"Namun, saya masih yakin kepada diri saya untuk melakukan yang terbaik di Hanoi nanti," tambahnya. - ©BERNAMA

Weijie-Hang Yee gah di Ukraine

KUALA LUMPUR, 31 Jan. - Pasangan beregu lelaki muda negara Chia Weijie-Low Hang Yee merangkul gelaran pertama bagi musim 2022 pada Terbuka Ukraine 2022 selepas menundukkan pasangan Denmark Emil Lauritzen-Mads Vestergaard dalam saingan sengit tiga set, semalam.

Weijie-Hang Yee bagaimanapun bermula agak goyah apabila tewas tipis dalam set pertama, 19-21 sebelum bangkit untuk mengesahkan kejuaraan dalam dua set berikutnya dengan 22-20, 23-21.

Kemenangan itu pastinya mengubat kekecewaan

mereka selepas kecundang kepada gandingan Singapura Danny Bawa Chrisnanta-Andy Kwek 13-21, 21-23, pada final Terbuka Sweden minggu lepas.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam satu hantaran di laman Facebook rasmi hari ini mengucapkan tahniah kepada gandingan muda itu.

Dalam pada itu, impian pemain perseorangan Ong Ken Yon untuk merangkul kejuaraan antarabangsa pertamanya disekat pemain pilihan ketiga Christo Popov dari Perancis 21-14 22-20. - ©BERNAMA



كمنترین كصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Hentikan penularan maklumat palsu

JANGAN SEBARKAN MAKLUMAT PALSU YANG AKAN MENYEBABKAN PANIK DIKALANGAN MASYARAKAT.

MARILAH BERSATU BAGI MELINDUNGI NEGARA YANG TERCINTA DARI WABAK COVID-19 INI.

AWDA BOLEH MEMBANTU DENGAN TIDAK MENULARKAN MAKLUMAT YANG TIDAK SAH.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERSANGKA BAIK SESAMA MANUSIA